INTERNATIONAL CONFERENCE ON COMMUNICATION, MANAGEMENT AND HUMANITIES 2021 (ICCOMAH 2) E-PROCEEDING

EDITORS:
KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR
BASHARUDIN ABDUL HADI
REZKI PERDANI SAWAI

AID
ACADEMIC INTERNATIONAL DIALOGUE
CONFERENCE

INTERNATIONAL CONFERENCE ON COMMUNICATION, MANAGEMENT AND HUMANITIES 2021 (ICCOMAH 2) E-PROCEEDING

EDITORS:
KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR
BASHARUDIN ABDUL HADI
REZKI PERDANI SAWAI

e ISBN 978-967-2882-00-8

9 7 8 9 6 7 2 8 8 2 0 0 8

TABLE OF CONTENTS

TINJAUAN KAEDAH FIQH TERHADAP KEPUTUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKTOR EKONOMI DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Mohd Huefiros Efizi bin Husain[1a], Noor Naemah binti Abdul Rahman[2]
& Nor Fahimah binti Mohd Razif[3]

[1] Calon Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
[2] Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
[3] Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

[a]Email: mohdhuefirosefizi@yahoo.com.my

ABSTRAK

Pembukaan semula hampir keseluruhan sektor ekonomi dalam PKPB merupakan kesinambungan terhadap keputusan kerajaan Malaysia terhadap peringkat operasi sebilangan besar perniagaan tempatan kesan daripada Covid-19. Keputusan tersebut dibuat mengikut kesesuaian situasi semasa dan keperluan berdasarkan panduan tertentu. Bahkan, mendapat perhatian umum apabila jumlah semasa jangkitan wabak berkenaan melihatkan penurunan berbanding sebelumnya. Walau bagaimanapun, terdapat pertikaian sebahagian orang ramai akan kekhuatiran ke atas keputusan tersebut termasuklah sebilangan pemimpin dalam negeri mengekalkan perintah penutupan sebahagian besar operasi perniagaan seperti sebelumnya. Manakala kaedah fiqh merupakan panduan umum yang dibentuk oleh para ulamak bagi menyelesaikan permasalahan isu semasa disebabkan peredaran masa dan keperluan pelbagai. Maka, objektif kajian ini adalah meninjau keputusan pembukaan semula sektor ekonomi dalam PKPB menurut kaedah fiqh yang bersesuaian mencakupi beberapa aspek. Oleh yang demikian, metodologi kualitatif diterapkan dalam kajian ini bagi memastikan objektif kajian boleh dicapai menerusi kaedah perpustakaan merangkumi sumber rujukan seperti tesis, jurnal dan buku yang berpadanan dengan kandungan kajian. Hasil kajian mendapati keputusan pembukaan semula sektor ekonomi dalam PKPB bertepatan dengan keperluan semasa dan dapat diteliti kepada kaedah fiqh tertentu dalam memelihara kemaslahatan banyak pihak. Aspek yang terlibat adalah jaminan tahap ekonomi, pembekalan sumber dan tahap keselamatan orang ramai. Secara umumnya, melalui analisis yang dibuat, pelaksanaan dan penguatkuasaan PKPB dalam menangani pandemik Covid-19 akan lebih berkesan dengan kewujudan beberapa cadangan penyelesaian yang dikemukakan dalam kajian ini.

Kata laluan*:* Kaedah fiqh, Covid-19, sektor ekonomi, keselamatan, kebajikan.

PENDAHULUAN

Pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilakukan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 1 Mei 2020 untuk ia dikuatkuasakan bermula 4 Mei 2020. Pengumuman tersebut tidak lain berkenaan kebenaran untuk beberapa sektor ekonomi kembali beroperasi setelah melalui beberapa peringkat beroperasi dalam Peintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada fasa satu sehingga fasa keempat. Perintah kawalan pergerakan tersebut dibentuk khusus kepada seluruh rakyat di Malaysia di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Operasi yang dibenarkan walaubagaimanapun perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikhususkan bagi menyekat penularan jangkitab wabak Covid-19. SOP yang diperkenalkan terpakai kepada setiap sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi seperti di restoran, pusat beli belah dan outlet perniagaan. PKPB juga diumumkan bertujuan memberi laluan kepada sebilangan usahawan untuk memastikan perniagaan mereka berjaya mendapatkan semula sejumlah pendapatan harian menerusi kegiatan penjualan. Begitu juga kepada orang ramai untuk mendapatkan keperluan harian dengan segera dan kuasa pembeli dapat dipenuhi secara total apabila ia berjaya menepati pilihan masing-masing. Bahkan, dapat mengenalpasti kualiti sesuatu barangan yang mahu dimiliki sebelum melakukan pembelian.

Maka, kajian ini didirikan berteraskan kepada timbul kengganan pihak tertentu dan membuat penangguhan bagi membenarkan premis perniagaan beroperasi mengikut PKPB di awal ia diumumkan. Negeri yang terlibat adalah Kedah, Sarawak, Sabah, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan (Farhana Joni, 2020: 1). Selain itu, terdapat kekeliruan sebahagian di kalangan orang ramai dengan mempertikaikan kerasionalan kandungan PKPB mula dikuatkuasakan sedangkan jangkitan Covid-19 dalam negara masih belum pulih sepenuhnya. Namun begitu, golongan sedemikian tiada kuasa untuk menolak daripada mematuhi arahan PKPB yang telah diwartakan kerana ia adalah penggantian kepada PKP yang telah dilaksanakan sebelumnya. Penolakan mematuhi PKPB tertakluk di bawah undang-undang dan rakyat akan mengalami kerugian terutamanya para pengusaha sektor ekonomi (BERNAMA, 2020: 5 1). Manakala, kaedah fiqh pula terdiri daripada *al-qawaid* dan *al-fiqhiyyah*. *Al-qawaid* dapat difahami sebagai dasar atau asas sesuatu (Al-Asfahani, 1961: 409). *Al-fiqhiyyah* pula adalah ilmu berkaitan hukum syarak berdasarkan dalil yang dihalusi dengan bersifat amali (al-Isnawi, 1990: 19). dan merangkumi aspek kehidupan di antara tanggungjawab manusia ke atas manusia yang lain berteraskan hukum daripada nas syarak. Ia ditentukan oleh fuqaha' dengan menawarkan panduan hidup yang sejahtera dan melancarkan lagi kehidupan seharian manusia. Penglibatan kaedah fiqh dalam pensyariatan Islam tidak menjangkau untuk diiktiraf sebagai sesuatu hukum, akan tetapi ia berfungsi sebagai rumusan perundangan hukum fiqh yang pelbagai (al-Zarkashi, 1982: 65). Kaedah fiqh juga terbahagi kepada tiga bahagian melibatkan kaedah fiqh yang menyeluruh (asasi), kaedah dipertengahan untuk diaplikasikan dan kaedah kecil yang dikhususkan kepada perkara tertentu sahaja (Al-Burnu, 1998: 26). Justeru, pengkaji menghubungkan arahan pembukaan semula sektor ekonomi dalam PKPB dengan panduan kaedah fiqh terpilih. Ia bertujuan bagi membuktikan sejauhmana kewajaran perintah tersebut untuk dipatuhi di setiap peringkat masyarakat di Malaysia terutamanya kepada pembekal, penjual dan pembeli.

METODOLOGI KAJIAN

Hasil kajian dapat ditemukan menerusi kaedah dan reka bentuk kajian secara terperinci. Reka bentuk kajian dilakukan berdasarkan matlamat kajian yang hendak didirikan. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah perpustakaan berdasarkan kepada sumber akhbar, tesis, jurnal, buku dan bahan bacaan lain yang memiliki ciri-ciri objektif kajian. Kaedah tersebut berperanan untuk mendalami secara khusus fenomena berkaitan persoalan kajian. Di samping itu, kajian ini turut meneroka panduan khusus kaedah fiqh yang bersesuaian untuk diguna pakai terhadap pelaksanaan pembukaan semula sektor ekonomi dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat penularan wabak COVID-19.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Bahagian ini mengemukakan rumusan penyelidikan yang telah dijalankan oleh para sarjana dan bahan bacaan lain berkaitan objektif kajian. Ia dibahagikan kepada dua bahagian membabitkan kaedah fiqh yang ditentukan oleh para fuqaha' dan pelaksanaan PKPB bersempena penularan wabak berpenyakit Covid-19. Kajian lepas dapat dilihat menerusi sorotan yang disediakan di bawah:

1) Kaedah Fiqh Panduan Peletakan Hukum Syarak

Penelitian kaedah fiqh dalam penyelidikan sebelum ini banyak membantu pengkaji memahami dengan baik fungsi kaedah tersebut terhadap pelaksanaan sesuatu hukum. Penyelidikan berkaitan kaedah fiqh dapat ditinjau seperti yang berikut:

1) Siti Nur Amalina dan Mohd Norhusairi menganalisis kaedah fiqh yang terpakai dalam istinbat hukum terhadap isu semasa yang berlaku di Wilayah Persekutuan dalam tempoh tahun 2010 sehingga 2014. Isu yang terlibat adalah kaedah khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat, penetapan kadar zakat fitrah, ciri-ciri ajaran sesat, kedudukan hizbur tahrir dan penentuan status mangsa MH370. Kaedah fiqh yang digunakan bertujuan membantu menyelesaikan batasan hukum yang perlu dipatuhi kesan daripada isu dinyatakan. Selain itu, penyelidikan ini turut mencadangkan kaedah tertentu dalam penentuan fatwa untuk membuktikan hubungan erat di antara fungsi kaedah fiqh dan kedaulatan pensyariatan Islam mengikut keperluan bersama pihak terlibat tanpa membelakangi pematuhan syarak (Siti Nur Amalina dan Mohd Norhusairi, 2018: 50-55).

2) Selain itu, Ahmad Misbah dalam penyelidikan beliau mengemukakan perkembangan kaedah fiqh dalam karya yang disediakan oleh tokoh ulamak empat mazhab fiqh yang muktabar. Penyusunan kaedah fiqh terbabit dapat diselaraskan mengikut kepentingan semasa berdasarkan tujuan ia diperkenalkan. Kehujahan setiap ulamak ke atas kaedah yang ditentukan tidak lain adalah untuk dijadikan panduan dalam sistem perundangan Islam. Kemudian, keputusan pembahagian hukum adalah berdasarkan kepenggunaan secara

am dan khas ke atas pengecualian yang ditetapkan. Selain itu, kebergantungan kepada persepakatan dan perbezaan pendapat di kalangan ulamak yang terlibat meletakkan hukum dan menyandarkan sepenuhnya kaedah fiqh kepada nas utama syariat Islam. Antara kitab yang menghimpunkan kaedah fiqh oleh para ulamak dalam penyelidikan tersebut adalah *Kitab Usul al-Kharkhi* daripada mazhab Hanafi, *Kitab al-Furuq* daripada mazhab Maliki, *Kitab Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam* daripada mazhab Shafi'i dan *Kitab Taqrir al-Qawaid wa Tahrir al-Fawaid* daripada mazhab Hanbali (Ahmad Misbah, 2017: 34-38).

3) Manakala, Zahari Mahad Isa pula mendedahkan pembaharuan kepada kaedah fiqh oleh ulamak terkemudian terhadap amalan istinbat hukum berpandukan kepelbagaian keperluan semasa untuk digunakan secara meluas (Zahari, 2014: 55-60). Ia dibuktikan menerusi kaedah fiqh yang tersenarai sebelum dan selepas digubal secara berperingkat, dan dinyatakan dalam Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah. Peringkat pembaharuan kaedah fiqh tersebut merangkumi tiga zaman iaitu pertumbuhan, perkembangan dan penyelarasan (al- Nadwi, 2004: 6/90). Terdapat juga pertambahan oleh pendapat yang lain iaitu di zaman kebangkitan (Muhammad Uthman Shibir, 2000: 48). Majallat ini memperincikan kaedah fiqh kepada beberapa kategori seperti kaedah penghalang (*al-mani'*) dan pemboleh (*al-muqtadi*), kaedah asal (*al-asl*) dan penggantian (*al-badl*), dan kaedah berkaitan tanggungjawab dan hukuman (al-Hariry, 1998: 71).

Berdasarkan sorotan kajian membabitkan kaedah fiqh yang dihasilkan oleh para sarjana, kajian ini mengenalpasti kepentingan dan kekuatan kaedah tersebut yang berpotensi menyumbang kepada kemakmuran pensyariatan Islam. Kaedah yang diperkenalkan berperanan menyelesaikan isu yang timbul dan memberi kemaslahatan secara umum tanpa dibatasi oleh faktor tertentu. Sejauhmana ia dapat dibangunkan, masih tetap bersandarkan kepada tuntutan syara' yang ditampilkan menerusi pemahaman dalil hukum sama ada daripada al-Qur'an al-Karim, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas. Bahkan, berpusat kepada pendirian fiqh mazhab empat yang bersesuaian untuk diterapkan dalam menentukan hukum kehidupan seharian. Berpandukan keterangan di atas, dapatlah ditinjau sejauhmana pengumuman pembukaan semula sektor ekonomi PKPB bersempena dengan langkah pencegahan Covid-19 dari penilaian kaedah fiqh terpilih.

2) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Memandangkan tempoh PKPB baharu sahaja tamat ketika kajian ini sedang dijalankan iaitu pada 9 Jun 2020, maka kajian berkaitan dengannya masih belum dijumpai daripada sebarang institusi. Walaupun begitu, pengkaji menemukan maklumat berkaitan pelaksanaan PKPB secara tepat menerusi laman rasmi pihak dipertanggungjawabkan dan laporan akhbar semasa. Pengakuqan aklumat PKPB dikemukakan seperti di bawah:

a. Laman rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Menurut arahan Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara Malaysia (MKNM), prosedur operasi standard (SOP) yang diguna pakai sepanjang tempoh waktu PKPB dikuatkuasakan pada 4 Mei 2020. Perkara tersebut menyatakan pembukaan semula sektor ekonomi yang terlibat dilakukan secara berperingkat sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilangsungkan. Ia dikemaskini dari masa ke semasa bergantung kepada keperluan masyarakat dan data kes yang dicatatkan. Tindakan perundangan akan dikenakan kepada mereka yang gagal mematuhi perintah seperti ditetapkan. Pemantauan dan penguatkuasaan daripada pihak berautoriti seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan lain-lain badan organisasi dijalankan bagi memastikan wabak Covid-19 berjaya dihapuskan (Majlis Keselamatan Negara, 2020: 1-2).

Panduan tersebut menyarankan agar orang ramai dapat meningkatkan tahap kebersihan masing-masing. Ia termasuklah amalan kerap mencuci tangan dengan sabun atau *hand sanitizer*, penyediaan kemudahan yang sewajarnya, tindakan sanitasi premis perniagaan yang beroperasi sekurang-kurangnya dua kali sehari dan kawalan bilangan pengunjung dalam satu masa. Kemudian, langkah pengawasan keselamatan dengan kedudukan jarak satu meter di antara individu dengan orang lain, memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*), mememeriksa suhu badan pekerja dalam premis dan jauhi sebarang perhimpunan ramai bagi memastikan kesihatan berada dalam keadaan baik (Portal Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia, 2020: 1).

b. Laporan akhbar tempatan

Keseragaman PKPB yang diumumkan menggariskan beberapa syarat ke atas pelaksanaan sektor ekonomi melibatkan operasi kedai dan outlet perniagaan yang dibenarkan. Syarat tersebut merangkumi pematuhan SOP perniagaan dengan kawalan penjarakan sosial di kalangan pekerja yang bertugas dan pengunjung yang hadir. Selain itu, pengunjung juga diarahkan untuk mencatatkan nama, nombor telefon, suhu badan dan waktu berkungjung pada buku catatan yang disediakan atau mengimbas kunjungan pada gadget masing-masing melalui aplikasi *MySejahtera*. Malah, cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) juga perlu disediakan di hadapan pintu sebelum pengunjung memasuki kedai tersebut. Selain daripada itu, perniagaan yang tidak begitu penting kepada masyarakat awam masih tidak dibenarkan untuk beroperasi sepenuhnya seperti kelab malam, pusat karaoke dan spa urutan. Antara larangan lain adalah mengadakan majlis keraian seperti majlis perkahwinan, majlis keagamaan dan kebudayaan. Bahkan, turut disenaraikan adalah aktiviti sukan yang melibatkan sentuhan badan dan perhimpunan orang ramai seperti sukan bola sepak, rugbi dan larian yang melebihi sepuluh orang (Fathil Asri, 2020: 1).

Pengumuman pelaksanaan PKPB dibuat setelah Perdana Menteri Malaysia mendapatkan nasihat yang berkesan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdasarkan prestasi memberangsangkan untuk memutuskan rataian penularan wabak Covid-19 di kalangan orang ramai. Prestasi tersebut mewakili penurunan kes baharu dan pertambahan kes sembuh daripada pesakit positif Covid-19. Tambahan pula, prestasi tersebut dikemukakan sendiri oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (Rafidah, et al., 2020: 1)

Tujuan utama pelaksanaan PKPB adalah untuk membuka peluang kepada sebahagian penglibatan sektor ekonomi dan sosial dapat beroperasi mengikut SOP ditetapkan. Tempoh PKPB yang diumumkan pada sesi pertama dilanjutkan daripada 12 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Ia berikutan langkah pemerkasaan terperinci oleh kerajaan Malaysia untuk membanteras penularan wabak Covid-19 walaupun kes baharu positif Covid-19 mencatatkan penurunan saban hari dan dijangkakan dapat diputuskan sedikit masa lagi. Pemerkasaan tersebut menyentuh pelbagai sektor termasuk ekonomi yang melibatkan banyak pengantara di kalangan penjual dan pembeli. Oleh yang demikian, pelanjutan tempoh PKPB tersebut disambut baik oleh sebilangan besar rakyat di Malaysia demi memastikan tahap keselamatan dan kesihatan berada pada tahap memuaskan (Isma, Maiamalina & Ekhwan, 2020: 1).

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, kerajaan Malaysia begitu komited merancang strategi dalam PKPB bagi menjamin keselamatan rakyat dalam negara daripada jangkitan wabak Covid-19 mengikut keperluan semasa. Perancangan tersebut tidak akan dapat direalisasikan melainkan dengan kerjasama daripada beberapa organisasi termasuklah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan institusi bukan kerajaan berdasarkan kaedah yang diselaraskan di setiap peringkat. Oleh yang demikian, pembukaan semula sektor ekonomi dalam tempoh PKPB dapat ditinjau menerusi kaedah fiqh terpilih supaya kewajaran strategi tersebut dapat diperhalusi demi membawa kebaikan orang ramai bersama.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini mengemukakan hasil kajian pengkaji menerusi pembacaan pelbagai sumber rujukan untuk mencapai matlamat kajian. Oleh yang demikian, pengkaji membahagikan hasil kajian kepada tiga aspek utama iaitu jaminan tahap ekonomi, pembekalan sumber perniagaan dan keselamatan orang ramai dalam PKPB. Justeru, tinjauan kaedah fiqh yang bersesuaian ke atas aspek di atas dihuraikan seperti di bawah:

ASPEK 1: JAMINAN TAHAP EKONOMI

Pelaksanaan PKP di Malaysia ternyata memberi impak yang besar kepada ramai pengusaha perniagaan terutamanya kepada peniaga kecil dan sederhana sederhana besar. Tidak terkecuali perniagaan berskala mega juga mengalami situasi yang sama apabila berlaku jurang yang besar berbanding kadar pendapatan sebelum ini. Ia berpunca apabila perniagaan yang dibangunkan selama ini terpaksa diperintahkan tidak beroperasi sepanjang PKP diumumkan bagi menyokong seruan kerajaan membabitkan Majlis Kesihatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kerjasama Majlis Keselamatan Negara dalam memutuskan rantaian Covid-19 dengan segera. Antara jenis perniagaan yang terlibat adalah pusat beli belah, kedai gunting rambut, dobi layan diri dan restoran.

Maka, PKPB dilaksanakan bagi membuka sedikit ruang kepada jenis perniagaan seperti di atas untuk beroperasi mengikut syarat atau garis panduan ditetapkan. Syarat beroperasi tersebut meliputi keutamaan jenis produk yang dipasarkan, tanggungjawab pengunjung yang tiba dengan mendapatkan suhu badan sehingga kepada pemakaian pelitup muka dan hidung, kadar waktu operasi harian, penyusunan fasiliti, batasan jumlah pengunjung dalam satu masa dan tindakan satitasi berjadual. Sehubungan itu, kajian ini mengenalpasti akan kaedah fiqh yang bersesuaian untuk menggambarkan situasi dinyatakan di atas seperti yang berikut:

i) المشقة تجلب التيسير

"Kesusahan itu mendatangkan kemudahan". (Al-Syatibi, 1986)
Kebenaran untuk sektor perniagaan beroperasi semula dalam PKPB memberi sedikit cabaran baharu kepada pengusaha perniagaan dan pengunjung yang berkunjung ke premis perniagaan tertentu. Antara cabaran tersebut berkaitan dengan pertambahan tugas pemilik perniagaan dengan menyediakan laluan khas keluar dan masuk pengunjung, label penjarakkan sosial bertanda pangkah (x) pada kerusi dan meja secara bersilang, pelekat informasi PKPB & peringatan bahaya Covid-19 dan pengawalan setiap pengunjung di hadapan premis sepanjang seharian beroeprasi. Selain itu, perbelanjaan kewangan meningkat untuk menyediakan peralatan keutamaan seperti mesin pengimbas suhu, cecair sanitasi secara konsisten dan peralatan lain difikirkan perlu bagi merealisasikan SOP PKPB terpelihara. Bahkan, pengunjung terpaksa menunggu giliran untuk memasuki sesebuah premis dan mengambil masa yang agak lama untuk menyelesaikan sesuatu perkara terutamanya apabila berada di kawasan tumpuan orang ramai seperti di pejabat, kedai makan dan pasar raya. Walaupun begitu, cabaran yang ditemui disahut dengan baik di kalangan pengusaha perniagaan dan orang ramai sebagai tanda pematuhan kepada saranan kerajaan demi kepentingan bersama. Tambah pula, SOP tersebut berperanan untuk memastikan sektor perniagaan mendapat kebenaran beroperasi dengan tersusun walaupun seluruh negara masih berusaha menentang jangkitan wabak apabila kes baharu jangkitan wabak Covid-19 masih disenaraikan.

Dalam bahagian ini, kaedah fiqh yang dikemukakan untuk menggambarkan cabaran yang disenaraikan di atas adalah المشقة تجلب التيسير. Kaedah berkenaan berkonsepkan sesuatu perkara akan menemui jalan kemudahan untuk dilakukan atau digunakan selepas berhadapan dengan perkara yang menyulitkan. Kalimah "المشقة" merujuk kepada cabaran yang perlu dihadapkan kepada pengusaha perniagaan dan orang ramai untuk melaksanakan SOP apabila terpaksa meluangkan lebih masa, modal dan tenaga untuk memenuhi arahan sepanjang PKPB. Ia juga menjadi cabaran sehingga menimbulkan pertanyaan bilakah ia berakhir kerana tidak memiliki tempoh waktu tertentu ke atas pelaksanaannya. Manakala, kemudahan itu pula dapat disandarkan kepada hasil ekonomi yang berjalan semula melalui penstrukturan baharu agensi dan institusi perniagaan dengan lebih baik pasca perintah kawalan pergerakan. Hal ini dapat direalisasikan apabila keselamatan dan kesihatan orang ramai dijamin terhindar daripada jangkitan wabak yang sedang merebak itu.

Pembukaan semula sektor ekonomi semasa PKPB dikuatkuasakan, ia membenarkan industri dan aktiviti perniagaan beroperasi secara menyeluruh. Ia dilakukan secara berperingkat dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan umum mengikut jumlah kes baharu yang diterima. Walau bagaimanapun, masih terdapat premis perniagaan yang belum dibenarkan beroperasi seperti pusat hiburan, pusat refleksologi dan panggung wayang (Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, 2020). Berdasarkan laporan yang diterima, banyak sektor ekonomi mengalami kelembapan ketika PKP dikuatkuasakan sehingga membawa kesan berpanjangan kepada pihak yang terlibat. Ramai penganalisis ekonomi berpendapat bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 mengalami penurunan ke tahap -0.1 peratus pada senario garis dasar dan -4.6 peratus pada kes senario rendah (Johnson Tee, Utusan Borneo Online; 2020). Antara sektor ekonomi yang terjejas disebabkan PKP ialah sektor pelancongan, sektor pembuatan dan pengeluaran seperti automobil dan topeng muka, dan seterusnya adalah sektor tenaga kerja dalam perniagaan disebabkan penularan jangkitan wabak kepada mereka (Yusof Saari, Berita Harian Online; 2020). Oleh itu, PKPB dilihat sebagai satu langkah yang penting kepada seluruh pengusaha perniagaan dan pelabur tempatan untuk meningkatkan usaha dalam memastikan aliran ekonomi kembali berfungsi seperti sedia kala demi memastikan tahap ekonomi negara berada pada paras stabil dan tidak membimbangkan. Maka, kaedah fiqh kedua yang bersesuaian dalam bahagian ini ialah تقديم المصلحة العامة على المصلحة الخاصة. Ia dapat diertikan dengan mendahulukan keperluan umum dan diikuti keperluan khusus sebagai kemaslahatan dalam sesuatu perkara apabila didatangi dua keperluan serentak dalam satu masa. Aplikasi kaedah di atas terhadap pembukaan semula sektor ekonomi ketika wabak Covid-19 masih lagi mengalami penularan dalam negara dilihat sebagai langkah yang dinantikan oleh ramai pengusaha perniagaan dan pengguna setelah melepasi frasa PKP sebelumnya. Keputusan yang dilakukan ini memberi peluang kepada perniagaan mereka kembali beroperasi dan meraih semula hasil pendapatan dengan berterusan. Begitu juga di pihak pengguna, keperluan seharian dapat dilakukan dengan mudah apabila pilihan boleh dilakukan di premis yang dikunjungi terutamanya keperluan asas seperti makanan. Hal tersebut mampu mengawal prestasi ekonomi setempat menjadi pulih dan memastikan kebajikan orang ramai berada menjadi seimbang.

ii) إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما

"Apabila didatangi oleh dua kerosakan, maka dijauhkan yang lebih besar mudarat daripada keduanya dengan membuat yang lebih ringan daripada keduanya" (Al-Zuhayli, 2006).

Pandemik Covid-19 memberi kesan besar kepada pengusaha kecil yang hanya bersandarkan sepenuhnya hasil pendapatan daripada usaha terbabit. Tekanan tersebut memberi perubahan dalam kehidupan seharian sehinggakan sebahagian di kalangan mereka perlu beralih arah kepada jenis pekerjaan lain yang boleh dilakukan hanya di rumah masing-masing. Bahkan, terdapat juga yang kehilangan pekerjaan apabila majikan mereka terpaksa memberhentikan perkhidmatan mereka serta merta. Di samping itu, laporan akhbar juga memaparkan peningkatan jumlah pengangguran dalam tempoh pandemik ini apabila banyak majikan dalam sektor perniagaan memilih untuk menangguhkan dan membatalkan pengambilan pekerja baharu berikutan kekangan modal untuk membayar gaji pekerja. Hal tersebut menyebabkan jurang yang luas di antara jumlah penganggur dan pekerja yang masih kekal di sektor perniagaan dalam negara. Menyedari kekangan tersebut, kebenaran oleh kerajaan untuk perniagaan beroperasi sedia kala mengikut peraturan semasa dalam PKPB membuka semula peluang kepada mereka yang terjejas untuk meraih pendapatan dan membaiki keadaan kepada yang lebih baik melalui perniagaan seperti dijalankan sebelum ini.

Berdasarkan kepada situasi yang dinyatakan di atas, pembukaan semula operasi sektor perniagaan dalam PKPB dapat ditinjau melalui kaedah fiqh إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما yang mewakili keputusan untuk menjauhi perkara yang memberi kesan kemudaratan yang besar kepada orang ramai berbanding yang lain dalam satu masa. Hal ini menjadikan keputusan membuka semula sektor ekonomi membantu sebilangan besar pengusaha perniagaan yang terjejas dalam tempoh PKP merancang semula strategi perniagaan dan memperoleh pendapatan hasil perniagaan yang dibangunkan. Paling utama, kemudaratan terhadap isi rumah dapat ditangani dengan baik apabila kelengkapan harian isi rumah ditunaikan mengikut keperluan seperti makanan, perubatan dan kelengkapan yang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa, keputusan kerajaan kepada sektor perniagaan pada tempoh PKPB ini meraikan rintihan ramai pengusaha perniagaan yang berhadapan dengan detik kesukaran bagi memastikan kehidupan sedia kala dapat diteruskan dengan sempurna. Kesan daripada itu, pengusaha perniagaan dapat menjamin kesejahteraan hidup mereka dan keluarga walaupun penularan jangkitan Covid-19 belum pulih sepenuhnya. Di samping itu, mereka masih bergantung kepada syarat operasi perniagaan dengan mematuhi SOP yang diperkenalkan bagi memastikan usaha memutuskan jangkitan wabak sedemikian mendapat perhatian dengan serius dari setiap peringkat.

Kaedah fiqh di atas mencerminkan kewajaran memilih salah satu perkara di antara perkara yang lain untuk diberikan perhatian secara khusus bagi memastikan kemudaratan besar dapat dihalangi dengan sebaiknya. Melihatkan pertembungan di antara dua pihak dalam menangani penularan pandemik secara telus, masing-masing memiliki pandangan tersendiri sama ada untuk memilih pembukaan semula sektor ekonomi dan memanjangkan lagi tempoh penutupan sektor terbabit sehingga negara berada dalam keadaan bebas Covid-19. Secara umum, langkah memanjangkan lagi penutupan sektor ekonomi tersebut adalah keputusan yang amat baik bagi mengelak berlaku perhimpunan orang ramai dalam sesuatu untuk membeli-belah. Namun yang demikian, kita tidak mampu membuktikan sehingga waktu tertentu negara akan bebas sepenuhnya daripada Covid-19 dan kedudukan pengusaha sektor ekonomi akan lebih parah apabila terhalang daripada meneruskan perniagaan yang sedia dijalankan sebelum PKP. Justeru, penentuan pembukaan semula sektor ekonomi secara bersyarat mampu mengembalikan harapan mereka yang telah terjejas untuk memperoleh pendapatan dan dalam masa yang sama tetap melawan jangkitan wabak Covid-19.

iii) درء المفاسد أولى من جلب المنافع

"Menolak keburukan itu lebih diutamakan berbanding menerima kemanfaatan daripadanya" (al-Suyuti, 2006).

PKP didatangi dengan terperinci akan kandungan utama perintah kawalan untuk dipatuhi oleh rakyat dalam negara. Ia meliputi aspek kehidupan seharian sama ada membabitkan pergerakan individu, mahu pun berkumpulan dalam kelompok yang kecil bagi menyekat pertambahan kes baharu Covid-19 saban hari. Kandungan perintah yang dinyatakan mengutamakan penurunan jangkitan sehingga kepada kadar paling minimum dengan mengenalpasti individu atau pihak yang menjadi kontrak rapat dan pembawa wabak berkenaan kepada umum. Mereka yang ditahan atau disyaki membawa wabak akan diberi rawatan khusus dan melalui sesi kuarantin sekurang-kurangnya empat belas hari atau sehingga tahap kesihatan mereka stabil. Sebagai contoh kluster jemaah tabligh di Sri Petaling, pihak penguatkuasaan membuat pemeriksaan kepada individu yang bergejala dan berhubung terus dengan orang ramai yang memiliki hubungan rapat dengan mangsa kes tersebut untuk tindakan sewajarnya.

Oleh yang demikian, pandangan dalam bahagian ini menyamai dapat disandarkan kepada kaedah fiqh درء المفاسد أولى من جلب المنافع yang lebih mengutamakan menjauhi daripada kemudaratan daripada kesan kebaikan yang akan diperolehi daripada itu. Tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa tersebut tidak lain daripada untuk memastikan penularan wabak Covid-19 berjaya diputuskan dengan baik pada tempoh waktu yang singkat. Usaha lain yang diterapkan adalah khidmat pesanan dan saranan yang dilakukan secara meluas di media eletronik dan cetak. Khidmat pesanan itu juga ditampilkan dengan berulang kali dan menggunakan kreativiti daripada mereka yang mahir bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai untuk saling membantu memutuskan penularan jangkitan. Antaranya teknik cucian tangan, pemakaian pelitup hidung dan mulut, penjarakkan sosial satu meter dan duduk di rumah dengan pelbagai aktiviti bermanfaat seisi keluarga.

BAHAGIAN 2: Sumber Ekonomi Pengusaha Perniagaan

Sandaran kaedah fiqh terhadap pembukan semula sektor ekonomi dalam bahagia kedua ini merangkumi pemeliharaan sumber jualan yang disediakan oleh pembekal sebelum sesuatu produk dipasarkan secara umum. Antaranya bahan mentah makanan yang tidak mempunyai daya ketahanan untuk disimpan dalam tempoh masa panjang sehingga menyebabkan kerosakan dan penurunan kualiti padanya disebabkan banyak faktor seperti sayur-sayuran, tenusu dan makanan laut. Oleh yag demikian, kaedah fiqh yang diaplikasikan dalam pembukaan semula terhadap sektor ekonomi dalam tempoh PKPB dapat ditinjau seperti di bawah:

1) المعروف بين التجار كالمشروط بينهم

"Yang makruf antara saudagar-saudagar itu seperti yang disyaratkan antara mereka itu". (Al-Zuhayli, 2006) Perintah untuk pembukaan semula sektor ekonomi dalam tempoh PKPB menunjukkan bahawa kerajaan memandang serius keadaan semasa yang memberi tekanan kepada pengusaha perniagaan untuk mendapatkan pendapatan. SOP tertentu diperkenalkan bagi membuktikan bahawa sektor ekonomi masih dalam kawalan mengikut peraturan yang ditetapkan. Antara SOP yang ditentukan adalah pemilik perniagaan perlu menyediakan alat pengesan suhu tubuh, cecair pembasmi kuman (hand sanitizer), kod imbasan data MySejahtera, tanda arah laluan kelaur dan masuk premis dan buku pengunjung. Kelengkapan tersebut perlu disediakan oleh pemilik premis perniagaan sebaik sahaja pengumuman PKPB dilakukan. Bahkan, ditentukan juga jumlah individu yang dibenarkan memasuk sesebuah premis bagi mengekang berlaku perhimpunan di antara mereka dan memastikan jarak satu meter dilaksanakan dengan sebaiknya.

Berdasarkan situasi di atas, kaedah fiqh yang dikemukakan menggambarkan kepada peraturan yang ditentukan dalam mendirikan sektor perniagaan ketika PKPB sama ada melibatkan perniagaan kecil, sederhana besar dan besar. Masing-masing hendaklah mengikuti SOP yang ditentukan beserta peraturan lain sebaik sahaja premis perniagaan dibuka semula bagi memastikan tidak wujud jangkitan Covid-19 ketika orang ramai melangsugkan urusan jual dan beli. Kemudian, kaedah fiqh ini juga mewakili seluruh pengusaha perniagaan yang terlibat untuk mendapat maklumat sahih secara tepat dan jelas daripada satu sumber yang dipercayai dan berautoriti iaitu daripada kerajaan Malaysia. Adalah menjadi tanggugjawab kepada pengusaha perniagaan untuk mendapatkan maklumat rasmi dan tepat bagi memastikan kelancaran ketika PKPB dikuatkuasakan.

2) الضرر لا يكون قديما

"Darurat itu tidak berlaku dalam tempoh yang lama". (Al-Bahisayn, 2011)
Selain daripada penjual yang terjejas terhadap perniagaan yang sedia dijalankan, pembekal dan pemborong barangan mentah juga mengalami situasi yang serupa. Mereka terpaksa berhadapan dengan lebihan sumber ekonomi apabila tidak menerima permintaan daripada penjual daripada sektir ekonomi dalam tempoh PKP sebelum ini. Sedang daripada itu, sumber ekonomi meliputi bahan mentah yang tidak tahan lama seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ubat-qubatan didapati berlaku lambakan sehingga mendatangkan kerugian yang tinggi. Hal ini terjadi apabila bahan mentah tersebut telah diseiakan dan dihasilkan sebelum PKP bermula mengikut purata penggunaan masyarakat dalam negara. Maka, tidak berlaku kitaran penjualan dan pembelian yang lancar membabitkan penawaran dan permintaan seperti sebelum kedatangan wabak Covid-19. Antara laporan akhbar yang disiarkan adalah penjual kerugian RM1000 sehari apabila sayur tidak terjual (Ramli Ibrahim, 2020), peniaga kerugian sehingga mencecah 300 orang (Mariana Taliban, 2020) dan kerugian terhadap pekebun buah-buahan (Ng Xiang Yi, 2020).

Berdasarkan situasi yang dinyatakan di atas, kaedah fiqh yang bersesuaian untuk ditinjau terhadap keputusan pembukaan semula sektor ekonomi dalam tempoh PKPB adalah "الضرر لا يكون قديما". Ia dapat dizahirkan bahawa setiap cabaran yang dihadapi hanya akan berlaku dalam tempoh waktu tertentu sahaja dan menjadi tanggungjawab bersama untuk menanganinya demi kebaikan banyak pihak. Keputusan dalam PKPB ini juga menunjukkan bahawa pemimpin negara memandang serius akan keluhan rakyat khususnya kebajikan pengusaha perniagaan yang terjejas teruk sepanjang PKP berlangsung. Keputusan PKPB ini juga menyaksikan bahawa kemudaratan yang dialami dalam sektor ekonomi ini juga akan berlaku proses pemulihan melalui proses pematuhan dalam norma baharu. Ia bertujuan kerugian dan pembaziran terhadap sumber ekonomi tersebut dapat dibendung dengan sebaiknya sementara untuk memastikan matlamat utama memutus rantaian jangkitan Covid-19 tercapai.

BAHAGIAN 3: Pematuhan Perundangan dan Pemerintah

Kerajaan Malaysia yang dipandu oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri memainkan peranan utama dalam memastikan keselamatan rakyat dalam negara berada pada keadaan baik. Beliau dengan dibantu oleh barisan kabinet kementerian dari pelbagai aspek tugas telah merangka strategi berkesan bagi membolehkan kebajikan rakyat tidak diabaikan termasuklah dalam sektor ekonomi. Strategi berkenaan meliputi penglibatan peniaga dan pengguna pada urusan perniagaan mengikut tempoh masa tertentu selepas melihat kepada perkembangan semasa jangkitan baharu wabak pandemik Covid-19. Sekiranya jangkitan tersebut menampakkan penurunan, maka sektor ekonomi dibenarkan beroperasi dengan syarat pematuhan SOP secara telus tanpa pengecualian jenis produk dipasarkan. Namun, situasi sebaliknya akan ditetapkan sekiranya jumlah jangkitan menunjukkan pertambahan yang tingi. Oleh itu, kaedah fiqh yang bersesuaian untuk diterapkan dalam bahagian ini adalah seperti di bawah:

1) التصرف على الرعية منوط بالمصلحة

"Memerintah ke atas rakyat itu bergantung dengan maslahat**".** (Al-Zuhayli, 2006)
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dianjurkan ketika musim penularan pandemik ini membuktikan bahawa kerajaan Malaysia bijak mengambil keputusan secara pantas untuk memberhentikan sementara waktu kebanyakan sektor yang sedang dibangunkan termasuklah sektor ekonomi. Sektor tersebut dimuatkan bersama dengan sektor lain disebabkan oleh penglibatan bayak pihak sehingga berlaku percampuran individu di kalangan pembeli dan penjual, pembeli dan pembeli dalam satu masa yang sama. Percampuran tersebut menggalakkan lagi berlaku penularan wabak Covid-19 sekiranya terdapat individu yang sedang menghidapinya. Kekhuatiran tersebut mendorong supaya orang ramai mengambil langkah berjaga-jaga memastikan keselamatan terpelihara.

Oleh yang demikian, pembukaan semula sektor ekonomi dalam PKPB dengan mematuhi syarat ditetapkan dapat disandarkan kepada kaedah hukum yang memupuk tanggungjawab pemimpin dalam sesebuah negara mendahulukan kemaslahatan umum berbanding kepentingan pada satu sudut sahaja. Walaubagaimanapun, kemaslahatan tersebut tidak mengenepikan tuntutan semasa untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19, bahkan membuka sedikit ruang kepada pengusaha perniagaan membangunkan semula sektor ekonomi demi kelangsungan hidup pihak yang terlibat. Berdasarkan pematuhan SOP yang ditentukan kepada orang ramai secara konsisten, kerajaan meletakkan jaminan agar kes baharu jangkitan Covid-19 mengalami penurunan yang memberangsangkan dan memperoleh kehidupan yang lebih harmoni. Oleh yang demikian, sikap berwaspada dan penekanan kepada usaha penurunan jangkitan Covid-19 ini merupakan fokus utama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (KPKM), YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah dengan kerjasama beberapa pihak lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan lain-lain.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada kesesuaian kaedah fiqh terhadap keputusan kerajaan Malaysia membenarkan pembukaan semula sektor ekonmi ketika kasih memerangi jangkitan wabak Covid-19. Kebenaran tersebut dikuatkuasakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dengan meletakkan syarat untuk mematuhi SOP tertentu sepanjang premis perniagaan beroperasi. Sektor ekonomi yang diutamakan dalam kajian ini merangkumi perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan dan sederhana besar di mana pengusahanya hanya mengharapkan perolehan pendapatan daripada perniagan yang dijalankan sahaja. Antara produk operniagaan yang dijalankan adalah seperti makanan basah, buah-buahan dan ubat-ubatan yang tidak mempunyai daya ketahanan untuk disimpan dalam tempoh masa yang panjang. Oleh itu, kajian ini juga berpendapat bahawa tindakan PKPB tersebut bergfungsi mengatasi sebarang kemudaratan yang telah timbul dan memberi kesan kepada pengusaha perniagaan yang terjejas teruk. Selain daripada fokus kajian yang sama, kajian ini boleh dilanjutkan kepada tinjauan kaedah fiqh yang bersesuaian terhadap keputusan kerajaan menetapkan PKPD kepada bahagian tertentu bagi mengekang penularan jangkitan wabak Covid-19 di Malaysia.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Ahmad Misbah bin Mohamad Hilmi, "Anotasi Kitab Kaedah Feqah (Kaedah Fiqh ; QF) Empat Mazhab; Kajian Sorotan Awal", *3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, Shah Alam (2017).

Al-Asfahani, Al-Raghin, *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, Kaherah, Mustafa Bab al-Halabi, (1961).

Al-Bahisayn, Ya'qub ibn Abd al-Wahhab al-Wahbah, *Al-Mufassal fi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Riyad, Dar al-Tadmuriyyah (2011).

Al-Hariry, Ibrahim Muhammad Mahmud, *Al-Madkhal ila al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kuliyyah*, Amman, Dar Ammar (1998).

Al-Suyuti, Jalal al-Din al-Rahman, *Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' al-Syafi'iyyah*, Kaherah, Dar al-Salam (2006).

AL-Syatibi, Abi Ishaq Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhmi, *Al-Muwafaqat*, Beirut, Dar al-Ma'arif (1986).

Al-Zarkashi, Badr al-Din bin Muhammad, *Al-Bahr al-Muhit*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah (1982), 65.

Al-Zuhayli, Wahbah, *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba'ah*, Beirut, Dar al-Fikr (2006).

Ali Ahmad al-Nadwi, Al-Qawaid al-Fiqhiyyah, Beirut, Al-Dar al-Shamiyyah (2004).

BERNAMA, "Bolehkah Kerajaan Pilih Untuk Tidak Ikuti PKPB?" Sinar Harian, 5 Mei 2020.

Al-Burnu, Muhammad Sidqi bin Ahmad, *Al-Wajiz fi 'Iddah Qawa'id al-Fiqh al-Kuliyyah*, Riyadh, Mu'assasat al-Risakah (1982).

Arahan Ketua Pengarah Peraturan 11 P.U. (A) 136/2020, Prosedur Operasi Standard Pembukaan Semula Ekonomi dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. https://www.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/05/SOP-PKPB-.pdf

Farhana Joni, "Ini Tujuh Negeri Yang Tidak Laksana, atau Tangguh PKPB", *Astro Awani*, 3 Mei 2020.

Fathil Asri, "Intipati Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat", *Berita Harian Online*, 1 Mei 2020.

Isma Ismail, Maiamalina Mohamed Amin dan Ekhwan, "PKPB Dilanjutkan Empat Minggu", Harian Metro Online, 10 Mei 2020.

Johnson Tee, "Covid-19: Malaysia Hadapi Bencana Luar Biasa", Utusan Borneo Online, 24 April 2020.

Mariana Taliban, "Lambakan Sayur Di Kundasang, 300 eniaga Rugi", *Sabah Post Portal Berita Online Negeri Sabah*, 4 April 2020.

Mohd Yusof Saari, "Krisis Covid-19 Buka Ruang Reformasi Ekonomi", *Berita Harian Online*, 26 Mac 2020.

Muhammad Uthman Shibir, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah fi al-Shariah al-Islamiyyah*, (Amman: Dar al-Furqan, 2000).

Ng Xiang YI, *"Pekebun Buah-buahan Terjejas Terus dalam Civid-19"*, Portal Malaysia Kini, 27 Mac 2020.

Portal Rasmi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, "Garis Panduan (SOP) Pembukaan Semula Ekonomi".

http://www.lktn.gov.my/index.php/en/covid-19/perintah-kawalan-pergerakan-bersyarat-pkpb

Portal Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia, "Garis Panduan Ekonomi Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat".

https://www1.treasury.gov.my/index.php/banner/item/6250-garis-panduan-ekonomi-semasa-perintah-kawalan-pergerakan-bersyarat.html

Rafidah Mat Ruzki, Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim, et al., "Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat mulai 4 Mei", Berita Harian Online, 1 Mei 2020.

Ramli Ibrahim, "Rugi RM1000 Sehari, Sayur Tak Terjual", *Harian Metro*, 31 Mac 2020.

Siti Nur Amalina Che Omar dan Mohd Norhusairi Mat Hussin, "Pemakaian Kaedah-kaedah Fekah Dalam Institusi Fatwa Di Wilayah Persekutuan dari Tahun 2010-2014", *Online Journal Research in Islamic Studies*, (2018), Vol. 5, No, 3.

Zahari Mahad Musa, "Penulisan Kaedah Fiqh Dalam Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah", *Jurnal Pengajian Islam*, Akademi Islam Kolej Universiti Islam Selangor, (2014), Vol. 7, No. 1.

PENERAPAN NILAI SPIRITUAL DALAM AMALAN BERAGAMA SERTA PENGARUHNYA TERHADAP KECERDASAN EMOSI MUDARRIS MENURUT SA'ID HAWWA

Abdul Arif b. Sidi[1], Mohd Isa b. Hamzah[2] & Ab Halim b Tamuri[3]

[1]Fakukti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

[2] Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

[3] Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Tujuan penciptaan manusia bukan hanya sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi ini sahaja, malah ianya juga bertujuan menyuburkan amalan beragama dan pengibadatan kepada Maha Pencipta. Melalui amalan beragama yang betul dan dilaksanakan secara istiqamah akan memberi kesan terhadap usaha kearah kecerdasan emosi tauhidik serta penyucian jiwa seseorang mudarris. Justeru artikel ini akan mengupas tentang penerapan nilai-nilai spiritual yang terkandung dalam amalan beragama dari sudut akidah melalui pelaksanaan Rukun Islam. Penulisan dan kajian ini akan mengenengahkan gagasan idea pendakwah haraki dan ahli sufi tersohor iaitu Sa'id Hawwa. Di samping itu juga, fikrah Hujjatul Islam Ibn Qudamah dan Imam al-Ghazali juga diselidiki dan diketengahkan sebagai pengayaan. Hasil kajian ini mendapati wujudnya nilai-nilai spiritual dalam syahadah, ibadat solat, puasa, zakat dan haji serta memberi impak pada kecerdasan emosi tauhidik yang menjadi gagasan utama para pendakwah khususnya para mudarris. Oleh itu, Sa'id Hawwa telah mengimplimentasikan satu kaedah kecerdasan emosi tauhidik melalui manifestasi amalan beragama agar para pendakwah mengaplikasikan kaedah ini dalam membentuk diri sebagai seorang mudarris yang mempunyai jati diri unggul.

Kata kunci : Nilai spiritual, Sa'id Hawwa, amalan beragama, kecerdasan emosi *mudarris*

PENDAHULUAN

Peranan dan tanggungjawab seorang guru bukan hanya menyampaikan ilmu pengetahuan serta menguasai kemahiran pengajaran dan pengajaran, malah ianya berperanan sebagai ejen perubahan dan *qudwah hasanah* dalam masyarakat. Malah menurut Hasni Mohammed (2011) guru secara keseluruhan adalah seorang *mudarris* yang berperanan sebagai seorang pembimbing, juru latih, penasihat dan perunding. Disamping memindahkan mutiara ilmu dan hikmah kepada masyarakat guru juga perlu memiliki kefahaman dan amalan beragama yang sempurna, ini kerana dengan kesempurann amalan tersebut akan lahirnya kecerdasan emosi. Pengintegrasian amalan beragama dan tahap kecerdasan emosi guru akan memberi impak yang besar dan anugerah yang tidak ternilai dalam dunia pendidikan. Kenyataan ini disokong oleh Abdullah Nasih Alwan (1968) yang menyatakan seseoran *mudarris* perlu menguasai ilmu agama dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian, manakala Sidik Baba (2006) pula menyatakan bahawa guru sebagai *mudarris* perlu mempersiapkan diri dengan ilmu, keterampilan dan pengkhususan. Al-Hafiz al-Said (1988) pula menekankan bahawa seseorang *mudarris* bukan sekadar mengajar atau mendidk malah perlu menguasai pendidikan emosi. Matlamat pendidikan Islam selain menanamkan akhlak mulia juga meningkatkan kecerdasan spiritual (Fathiyah et al. 2013). Justeru, guru yang berakhlak mulia mudah membentuk murid-murid agar peningkatan kecerdasan spiritual akan lebih mantap dan terjamin demi masa depan yang lebih gemilang di dunia dan akhirat. Oleh itu, dalam usaha memperkasakan institusi pendidikan dan memertabatkan semula matlamat seseorang *mudarris* dalam masyarakat, maka eleman amalan beragama, kecerdasan emosi tauhidik mestilah diintegrasikan oleh warga pendidik sebagaimana yang telah digariskan oleh ilmuan ulung, pendakwah dan ahli sufi terkenal Sa’id Hawwa

Justeru artikel ini akan menghuraikian secara tuntas berkaitan dengan nilai-nilai spiritual yang terdapat dalam amalan beragama harian para pendidik, jika ianya diamalkan dengan suntikan nilai-nilai spiritual dan kerohanian maka pengaruhnya kepada pendidik akan lahir nilai-nilaik eimanan, ikhlas, takut dan berharap. Nilai-nilai *mahmudah* inilah yang akan menjadi momentum apabila mereka berhadapan dengan para pelajar dan masyarakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan maklumat dan mutiara ilmu yang merujuk kepada sejumlah karya agung Sa’id Hawwa seorang daie dan ahli tasawuf terkemuka. Disamping itu, pemikiran tokoh ilmuan ulung, al-Ghazali dan Ibn Qudamah turut diselidiki sebagai pengayaan dan pelengkap penulisan ini. Metodologi analisis kandungan merupakan satu proses merumus dan melapor data secara bertulis (Cohen, Manion & Morrison, 2007)

BIODATA SA’ID HAWWA

Nama sebenar beliau ialah Sa’id bin Muhammad bin Hawwa yang masyhur dikenali dalam kalangan pencinta gerakan Islam sebagai Sa’id Hawwa. *Kuniyyah* Hawwa adalah dinisbahkan kepada nama keturunan yang diwarisi dari sebelah bapanya. Beliau diputrakan di kota Hamah, Syria pada 27 September 1935. Nasab beliau bersambung dengan Rasulullah SAW dan ia dinasabkan kepada kabilah al-Naim yang merupakan salah satu keturunan Rasulullah SAW yang mulia. Ketika beliau berusia dua tahun, ibunya telah meninggal dunia. Ibunya bernama Arabiyyah al-Tais dan bapanya Muhamad Dib Hawwa seorang aktivis politik yang menentang penjajah Perancis dan dipenjara pada tahun 1939 kerana tuduhan membunuh.

Kehidupannya pada awal kanak-kanak amat susah dan miskin dan pernah diusir dari sekolah kerana tidak mampu membeli pakaian rasmi sekolah. Walau bagaimanapu pada tahun 1948, beliau memulakan pengajian secara formal di sekolah Menengah al-Rusyd berhampiran dengan kota kelahiran beliau. Pada peringkat ini, beliau berjumpa dengan guru Syeikh Muhamad Hamid, seorang tenaga pengajar di sekolah Menengah Ibn Rusyd yang membawa beliau belajar dengan di halaqah yang diajarnya di Masjid Sultan dan pengajian ini memberi kesan yang mendalam kepada Said Hawwa. (Said Hawwa, 1987: 24). Seterusnya belaiu menyambung lagi pengajiannya di Universiti Damsyik Syria sehingga memperolehi ijazah pertama dan dalam masa yang sama beliau telah menghafaz 30 juzuk al-Quran serta berguru dengan ramai ilmuan seperti Dr Mustafa al- Siba'ie dan Seikh Mustafa al-Zarqa'

Pada tahun 1966 pergolakan politik telah membadai kota Hamah disamping munculnya pelbagai *taerqat* kesufian dan gerakan Ikhwan, justeru beliau telah berhijrah ke Arab Saudi untuk bertugas sebagai guru bahasa Arab disebabkan keilmuan dan kepetahan pidato beliau. Walau bagaimanapun Sa'id Hawwa dihalang dari menyampaikan kuliah dan khutbah serta ditukar di kawasan pendalaman. Semasa di Arab Saudi, beliau diberi tugas oleh Ikhwan untuk menyiapkan manhaj perjuangan Ikhwan. Semasa di Arab Saudi, beliau mendapat pembelaan dari Syeikh Abdul Aziz Baz dalam meneruskan dakwah dan kuliah termasuk mengajar di Masjid Nabi. Sa'id Hawwa tinggal di Arab Saudi selama lima tahun bermula tahun 1966 sehingga tahun 1971 dan menyiapkan buku *Silsilat al-Usul al-Thalathah* (Allah, al-Rasul dan al-Islam) dan buku *Jundullah Thaqafatan wa Akhlaqan* (Tentera Allah : Ilmu dan Akhlak) dan lain-lain. Di sini, beliau menyampaikan ceramah di beberapa buah universiti, kolej dan sekolah serta kelab terutama dua kelab yang terkenal di Madinah iaitu Kelab al-ansar dan Kelab Uhud.(www.ikhwan.online., Said Hawwa, 1987:79, Fisol Mat Isa:2001:27)

Ketokohan dan keilmuan Sa'id Hawwa terserlah sejak kecil lagi kerana beliau mampu memahami setiap pembacaan dan ilmu yang disampaikan dengan sangat baik. Beliau membaca dan menalaah kesemua ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Islam terutama ilmu akidah, fekah, Usul Fiqh , tafsir, sirah dan lain-lain. Seorang rakan memberitahu bahawa Said Hawwa dalam penjara apabila ia memegang buku setebal 500 muka surat, maka beliau tidak akan tidur sehingga selesai membacanya. Begitulah keadaan sehariannya. Antara faktor pembentukan keperibadian dan dan ketokohan beliau sebagai *mudarris*, daie, ahli sufi dan pendakwah ulung ialah perana bapanya yang merupakan seorang pendidik, banyak membaca dan mengkaji dalam pelbagai ilmu serta keadaan geopolitik pada masa itu yang menyaksikan kejatuhan sistem khalifah, kehilangan negara Palestin dan sistem diktator dalam dunia Arab. Beliau banyak menghabiskan usianya dalam dunia perjuangan Ikhwan dan *tajdid* sehinggalah beliau diuji dengan penyakit rabun mata, kencing manis darah tinggi yang membataskan gerak kerja perjuangan suci sehingga memaksa beliau mengundurkan diri pada 14 Mac 1987 atas nasihat doktor. Setahun kemudian beliau telah diserang penyakit angin ahmar dan menghembuskan nafas terakhirnya pada 14 Disember 1988 pada usia 53 tahun (Aqil, 2000; Riduan, 2009)

Pemergian beliau buat selama-lamanya memberi kesan yang mendalam kepada gerakan Ikhwan di seluruh dunia, dunia Islam kehilangan sebutir permata yang amat berharga, namun begitu perjalanan yang singkat tersebut tidak bermakna jasa dan sumbangan beliau juga sedikit dan terbatas. Khazanah ilmu dah hikmah peninggalan beliau menjangkau 32 tahun masih subur sehingga ke hari ini. Dengan ini dapatlah disumpulkan bahawa Sa'id Hawwa merupakan seorang murabbi ummah, pendakwah haraki yang amat dedikasi dalam mentarbiah kecerdasan emosi tauhidik, penyucian jiwa yang disepadukan dengan perjuangan dakwah. Adalah diharapkan semangat dan kesungguhan perjuangan beliau akan menjadi ikutan dan panduan para murrabi hadhari hari ini dalam konteks menghidupakan unsur-unsur kerohanian melalui amalan beragama untuk diterjemahkan pada pelajar khususnya dan masyarakat amnya.

HUBUNGAN AMALAN BERAGAMA DALAM KONTEKS AKIDAH DENGAN NILAI SPRITUAL DAN KECERDASAN EMOSI

Akidah secara umumnya, membawa maksud sesuatu keputusan yang terkeluar dari dalam hati sanubari seseorang dengan sungguh-sungguh sewaktu menentukan sesuatu perkara, samaada keputusan yang diambil itu benar atau sebaliknya. Ianya juga membawa maksud ikatan yang kuat dan utuh berasal dari perkataan. (عقد – يعقد –عقيده) Akidah yang sahih pula ialah *i'tikad* (kepercayaan) yang *jazam* (pasti dan tetap) dalam hati seseorang individu yang tertakluk di bawah enam perkara iaitu rukun Iman menjadi asas penerimaan amalan di sisi Allah SWT dalam proses pembentukan diri sebagai seorang muslim mukmin (Haji Said 2000).

Bagi seorang pendakwah dan *mudarris* pemahaman akidah bukan hanya sekadar ucapan lisan syahadah semata-mata. Ianya bukan hanya terbatas dengan hanya memahami secara literal perkara-perkara yang membatalkan syahadah, syirik dan kufur sahaja. Mereka seharusnya memahami dan meyakini hakikat syahadah sehingga menyentuh rasaan spiritual atau rohaniah seterusnya lahirlah kecerdasan emosi tauhidik tanpa paksaan. Merasakan pengawasaan Allah SWT terhadap gerak geri hambaNya dan mekanisme-mekanisma praktikal yang perlu digerakkan untuk mencapai maqam rohaniah seterusnya membawa kepada pengukuhan akidah dan keimanan (Musa, 1996: 1-2) Menurut Sa'id Hawwa nilai-nilai spiritual yang terkandung dalam lafaz syahadah hanya dapat difahami secara mendalam melalui disiplin ilmu spiritual atau tasawuf kerana ianya dibincang secara komprenhensif. Para *mudarris* akan merasakan nilai-nilai akidah serta keyakinan kepada Allah SWT serta kebenara manhaj yang dibawa oleh Rasulullah SAW dengan memahami konsep penyucian jiwa yang sebenar. Hakikat syahadah atau keesaan hanya milik Allah SWT dan kebenaran utusan Nabi Muhammad SAW merupakan implementasi dan pengalaman spiritual yang sangat peribadi yang dihayati dengan rasaan rohaniah (*dhawq*) bukan hanya ucapan lidah semata-mata. Oleh kerana konsep asal penyucian jiwa itu sendiri beroreantasikan *tadhawwuq* yang membawa seseorang kepada hampir dan merasakan makrifat dengan Allah SWT. Natijah dari penghayatan sebegini mampu diterjemahkan dengan kemanisan iman (*halawah al-Iman*) dan akhirnya akan tercerna *mudarris* yang memiliki kecerdasan emosi tauhidik.

Seterusnya persoalan syariat pula membawa tafsiran yang pelbagai. Dari *segi* bahasa, perkataan ini berasal dari perkataan Arab *syari'at*. Ianya membawa erti pembawaan yang jelas. Pengertian ini bukan sahaja dipakai dalam bahasa Arab tetapi juga dalam al-quran itu sendiri. Dari segi istilah, ia membawa maksud apa saja dalam hidup termasuklah diciptakan oleh manusia atau yang diturunkan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasulnya. Penggunaan umum syariat dalam masyarakat hari ini bermaksud suatu ketentuan dan cara bersosial, bermuamalah dalam kehidupan seharian yang wajib dipatuhi oleh seluruh umat Islam. Para *mudarris* merupaka role model kepada masyarakat seharusnya mempamirkan nilai-nilai murni semasa bersosial, beribadat dan bermuamalah. Namun begitu setiap perkara syariat yang tidak diperkukuhkan dengan hakikat ianya menjadi tempang dan tidak sempurna begitulah sebaliknya (Al-qushayri, 2003: 168) Menurut Sa'id Hawwa penyempurnaa kepada sesuatu kefahaman berupaya meningkatkan motivasi para *mudarris* untuk melaksanakan hukum-hukum syarak kerana makrifah kepada Allah SWT. Justeru hanya melalui amalan kerohania dan spiritual kesufian merupakan satu wasilah kearah kesempurnan sesuatu kefahaman tersebut. (Hawwa, 1999: 57) Oleh itu bagi ahli yang cintakan ilmu Islam, para pendakwah dan ahli sufi meyakini bahawa antara syariat dan hakikat yang dicapai merupakan dua entiti yang saling berkaitan antara satu sama lain dalam mencapai kesempurnaan beramal. Begitu juga penekanan terhadap hikmah yang lebih kepada hati dan roh untuk mencapai tahap penyucian jiwa dalam penghayatan amalan beragama seperti solat, zakat, puasa dan ibadat haji yang mempunyai matlamat dan *maqasid* yang sama. Dalam masa yang sama tidak mengenepikan ketentuan syarak kerana itulah yang lebih utama. Seseorang *mudarris* yang dapat mengintegrasikan antara syariat dan hakikat akan mencapai tahap tertinggi dalam ibadat iaitu penyaksian dan makrifah kepada Allah SWT.

Realitinya, implementasi amalan spiritual dan tasawuf dalam berakidah dan beribadah serta bersyariat kelihatan agak cenderung dan eksklusif didokong oleh golongan sufi, namun keperluan mendesak zaman kontemporari penuh cabaran menyebabkan Sa'id Hawwa terpanggil untuk memasyarakatkan keilmuan ini kerana ia sangat diperlukan oleh semua manusia sepanjang zaman (Hawwa, 1999 :5). Oleh itu menjadi tanggungjawab *mudarris* yang dikenali sebagai agen perubahan masyarakat, role model, *qudwah hasanah* terlebih dahulu perlu memahami keilmuan ini secara mendalam. Penghayatan terhadap Rukun Islam yang berorientasikan keterikatan dan saling melengkapi antara akidah, syariat dan tasawuf, maka Sa'id Hawwa berpendapat bahawa ianya merupakan wada utama dalam membina kecerdasan emosi tauhidik manusia menuju kepada kesucian.

PENERAPAN NILAI SPRITUAL DALAM RUKUN ISLAM PEMANGKIN KECERDASAN EMOSI TAUHIDIK

Pelaksanaan Rukun Islam bukan hanya melibatkan ritual anggota badan sahaja dan bersifat luaran sahaja. Pelaksanaan dan pengucapan lafaz dua kalimah syahadah, solat lima waktu, mengeluarkan zakat, puasa dan haji sebenarnya jika dilaksanakan dengan betul dan sempurna disamping menerapkan nilai-nilai spiritual kesufian akan memberi kesan terhadap kecerdasan emosi tauhidik dan jiwa seseorang *mudarris.* Disamping kepatuhan dan ketaatan kita sebagai hamba dengan melaksanakan semua Rukun Islam, ianya juga mampu menyembuhkan jiwa yang sakit, menghalang sifat-sifat mazmumah seperti *riak*, *takabbur* dan *ujub* yang akhirnya merialisasikan seorang *mudarris* ulung bukan hanya berkeupayaan dalam bidang pedagogi, kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah malah seorang yang memiliki budi pekerti yang mulia dan terpuji.

i) Penerapan nilai spiritual dalam syahadah dan pengaruhnya pada kecerdasan emosi tauhidik

Peranan guru dalam perspektif Islam adalah sangat meluas. Guru adalah penyampai ilmu, penggerak dan penasihat. Ini bermaksud, guru atau pendidik mempunyai tugas dan tanggungjawab yang mencabar dan mampu menghadapi cabaran arus kemodenan dan globalisasi (Nordin. 2002) Begitu juga dengan Ab. Halim & Mohamad Khairul (2010) yang menegaskan bahawa guru perlu menjadi suri teladan dan qudwah hasanah serta agen perubahan masyarakat. Disamping menyampaikan ilmu yang terkandung dalam sukatan pelajaran para pendidik juga bertanggungjawab memantapkan pemahaman akidah para pelajar melalui lafaz syahadah. Bagi memantapkan pemahaman akidah melalui syahadah, para *mudarris* terlebih dahulu mestilah memahami secara jazam dari segi pegangan, pengilmuan dan menghayatan.

Kalimah لا إله إلا الله membawa pengertian *wala'* atau ta'at dan setia kepada Allah SWT dan bara' yang bermaksud menolak, mengingkar dan melepaskan diri daripada selain Allah SWT. Inilah sikap seorang mu'min apabila bersyahadah dengan kalimah لا إله إلا الله**.** Penyimpangan daripada wala' dan bara' yang betul akan membawa kepada dosa yang besar, bahkan boleh membawa kepada syirik. Dua kalimah syahadah adalah diibaratkan sebgai *roh* dalam setiap pelaksanaan ajaran Islam, setiap amalan walau dikerjakan sebanyak mana pun akan menjadi sia-sia jika tidak didasari dengan roh. Ini memberi gambaran yang jelas bahawa kesaksian syahadah bukan haya pada lisan tetapi turut dirasai dengan hati dan akal secara tegas tanpa ada keraguan sebagaimana tegasnya seseorang yang bersumpah (Hawwa, 2001 :25-31). Konsep kerasulan pula membawa makna seseorang itu meyakini bahawa Rasulullah SAW merupakan pesuruh Allah SWT yang menbawa syariat dan dalam masa yang sama mengenal dan mencintai Rasulullah SAW sepenuh hati, keimanan yang tinggi terhadap apa yang dikhabarkan oleh Allah SWT melalui lisan RasulNya. Mereka juga beriman dengan sifat-sifat kerasulan dan kenabian Baginda, apa yang paling penting seorang *mudarris* berusaha bersungguh-sungguh untuk menaladani keperibadian Baginda SAW sebagai pemimpin agung (Hawwa, 2001: 41-55) . Keperibadian Rasulullah SAW mestilah dicontohi supaya terbentuk personaliti yang unggul yang boleh dicontohi oleh para pelajar dan rakan sejawat yang lain.

Penghayatan dua kalimah syahadah yang disertai dengan sentuhan spiritual tertentu akan melahirkan seseorang yang mencapai maqam taqwa serta tahap amalan yang tinggi. Hakikatnya penghayatan yang mendalam terhadap keesaan Allah SWT dan kebenaran apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW merupakan landasan perjalanan kerohanian semua umat Islam menuju Allah SWT (Hawwa, 2001 :26)

ii) Penerapan nilai spiritual dalam solat dan pengaruhnya pada kecerdasan emosi tauhidik

Pelaksaan ibadat solat dengan sempurna bermula dari takbiratul ihram sehinggalah memberi salam yang dilakukan dengan sempurna sesuai dengan syariat dan hukum hakam membawa erti seseorang itu telah menyempurnakan adab zahir dari solat itu. Walau bagaimanapun puncak kesempurnaan solat perlu difokuskan kepada kesempurnaan spiritual ataupun kesempurnaa batin denga muncul rasa khusyuk. (Hawwa, t.t : 46-48)

Pemahaman yang betul tentang konsep bersuci sebelum mendirikan solat adalah membersihkan anggota badan dari najis dan kekotoran. Malah nilai spiritual yang terkandung dalam amalan bersuci ialah dengan mengutamakan kesucian batin dari dosa dan noda, nafsu dan kelalaian , disinilah bermulanya proses mujahadah. (Hawwa,t.t : 52; AL-Ghazali, t.t :231) Pada saat mendirikan solat para *mudarris* hendaklah merasakan kehadiran Allah SWT di sisi dan ini merupakan kesan penghayatan ihsan yang akhirnya wujud perasaan malu akan kekurangan diri dan berusaha untuk melakukan solat yang terbaik (Hawwa, t.t : 42) Ibadat solat yang dilakukan dengan penuh penghayatan akan mencegah manusia dari melakukan perkara-perkara keji dan mungkar .

Akhirnya, solat yang sempurna akan menjadi satu wasilah untuk melahirkan rasa kesyukuran dan ketundukan kepada Allah SWT dan ianya menjadi kayu pengukur kepada kesucian jiwa dan kecerdasan emosi tauhidik manusia (Hawwa, t.t : 54-55; al-Ghazali , t.t: 234)

iii) Penerapan nilai spiritual dalam zakat dan pengaruhnya pada kecerdasan emosi tauhidik

Perkataan zakat adalah diambil daripada perkataan *al-zakaa'* yang mengandungi pelbagai maksud ini termasuklan pengertian iaitu *al-nama'* (berkembang), *al-thaharah* (bersih) dan *al-barakah* (pertambahan). Ia juga mempunyai dua maksud iaitu mengeluarkan harta dan menyucikan jiwa (Ibn Manzur, 1997:14/358). Menurut Anas Karzon (2012), disebut zakat adalah kerana ia merujuk kepada keberkatan harta dan juga penyucian jiwa dari sifat kedekut **.**

Dari perspektif Sa'id Hawwa, ibadat zakat merupakan satu hubungan utuh serta memiliki peranan yang besar dalam usaha penyucian jiwa seseorang *mudarris*. Ianya akan mencapai tahap pembersihan hati dan kecerdasan emosi sekiranya penekana diberikan kepada implemantasi terhadap adab zahir dan batin secara bersama dalam pelaksanaannya (Hawwa, t.t ; 61). Ibadat zakat melibatkan wang ringgit, para *mudarris* kebiasannya mengeluarkan zakat melalui potongan gaji secara berkala, ini dapat mengelakkan dari mengeluarkan sejumlah wang untuk dibayar zakat kepada asanf-asnaf tertentu. Walaubagaimana pun perasan ujub juga timbul daripada penunaian zakat, oleh itu untuk mengelakkan dari berasaan *ujub, takabbur dan riak* para *mudarris* mestilah berpegang teguh kepada satu prinsip bahawa zakat yang dikeluarkan itu hanyalah sejumlah yang amat sedikit dan kerdil jika dibandingkan dengan jumlah orang lain. Rasa malu dan hina inilah akan menyebabkan bertambahnya keikhlasan dalam mengeluarkan zakat tersebut dalam masa yang sama para mudarris mesti menghadirkan dalam hati bahawa pemberian dan nikmat dari Allah SWT adalah lebih besar dan banyak yang jika dihitung tiada ternilai banyaknya (Hawwa, t.t ; 68-69 ;al- Ghazali, t.t ; 297 ; Ibn Qudamah , t.t. 34). Justeru , apabila seseorang *mudarris* memenuhi piawaian syarat zahir dan batin dalam menunaikan zakat, maka dengan sendirinya zakat tersebut berupaya menjadikan mereka memiliki kecerdas emosi tauhidik. Tujuan pengeluaran zakat itu sendiri juga memberi kesan dan peranan dalam proses kecerdasan emosi tauhidik seseorang ini kerana zakat menyucikan harta-harta yang dimiliki serta menunaikan hak orang lain serta dapat menyucikan jiwa dari sifat kedekut (Hawwa, t.t ; 61).

Rumusannya, setelah para *mudarris* dapat memahami erti zakat dengan sebetulnya serta terhindar dari sifat-sifat mazmumah maka dengan sendirinya akan lahir rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah SWT dan ini merupakan ibadat harta seseorang yang akan dipersembahkan kepada Allah SWT (Hawwa, t.t ; 64 ; al-Ghazali, t.t ; 33 Ibn Qudamah , t.t ; 33).

iv) Penerapan nilai spiritual dalam puasa dan pengaruhnya pada kecerdasan emosi tauhidik

Puasa di bulan Ramadhan merupakan ibadah ritual di dalam syariat Islam. Oleh itu ianya menjadi salah satu Rukun Islam yang lima yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang mukallaf dan yang tidak uzur. Sebagai agama yang sarat dengan nilai-nilai pendidikan dan kerohanian , Islam memgambil berat tentang ibadat hambanya agar ianya mencapai tahap taqwa.

Tugas *mudarris* disamping mengajar dan membimbing para pelajar tentang ibadah puasa dari segi pensyaritan dan hikmah pelaksanaanya, mereka juga terlebih dahulu perlulah memahami hakikat sebenar puasa. Ini kerana ibadah puasa bukan hanya sekadar ibadat zahir sekadar menahan lapar dan dahaga sahaja. Malah ibadat puasa memerlukan seseorang *mudarris* memelihara dan menundukkan pandangan zahir daripada melihat perkara-perkara yang yang boleh menyebabkan kebencian dan kemurkaan Allah SWT. (Hawwa, t.t ; 75 ; al-Ghazali, t.t ; 317; Ibn Qudamah, t.t ; 39). Disamping menundukkan pandangan, lidah juga memainkan peranan penting dengan memanafaatkannya melalui bacaan al-quran, berzikir, bertasbih mengingati Allah SWT dan tidak menuturkan perkara-perkara yag sia-sia yang boleh mengurangkan ganjaran dan pahala ibadat puasa (Hawwa.t.t : 76 ; al-Ghazali, t.t 317-318; Ibn Qudamah , t.t 76). Selain itu para *mudarris* juga digalakkan memelihara seluruh pancaindera mereka yang lain sebagai contoh anggota kaki dilarang memijak dan melangkah ke tempat-tempat maksiat, perut dicegah daripada mengambil sumber yang haram dan syubhah begitu juga dengan anggota-anggota lain .

Nilai-nilai spiritual juga tercerna ketika berbuka puasa dimana mereka dilarang untuk berlebih-lebihan dan ada unsur-unsur pembaziran semasa berbuka puasa, bersikap rakus dan lahap sehingga merosakkan kesihatan walaupun makanan tersebut datangnya dari sumber yang halal dan baik. Hakikatnya apabila perut terlalu kenyang secara melampau hanya akam memudahkan hawa nafsu terdedah kepada godaan-godaan syaitan (Hawwa.t.t : 77 ; al-Ghazali, t.t 318-319; Ibn Qudamah , t.t : 40). Seandainya nilai-nilai spiritual tersebut dapat dihayati oleh *mudarris* dalam melaksanakan ibadat puasa, maka ianya bakal berperanan sebagai kemudi bahtera kepada nafsu dan kehendak manusia disamping melatih diri dengan sifat sabar yang melambangkan kekuatan mujahadah seseorang hamba. Jalan menuju darjat taqwa yang merupakan tuntutan *ubudiyyah* daripada Allah SWT juga akan dapat dicapai .

Mudarris yang dapat melakukan ibadat puasa dengan penuh penghayatan terhadap nilai-nilai spiritual merupakan satu saranan terbaik kepada pengharapan yang tinggi dalam mempersembahkan puasa agar aianya diterima oleh Allah SWT sebagaimana tahap puasa orang-orang yang hampri dengan Allah SWT ataupuan puasa *ahli muqarrabin* (Hawwa.t.t : 77 ; al-Ghazali, t.t 318-319)

v) Penerapan nilai spiritual dalam ibadat haji dan pengaruhnya pada kecerdasan emosi tauhidik

Dalam konteks negara kita, perbahasan terhadap ilmu ibadat haji telah bermula seawal tahun 1880-an. Beberapa penulisan awal telah menceritakan kisah perjalanan ibadat haji orang Melayu yang menjadi sumber pembelajaran haji pada ketika itu (Aiza, 2009). Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani adalah di antara ulama nusantara yang terawal memuatkan perbincangan mengenai ibadat haji berdasarkan panduan dalam mazhab Syafie. Selain kefahaman berbentuk konsep ibadat haji, perbincangan berbentuk soal jawab ibadat turut mendapat tempat dalam kaedah pelaksanaan ibadat haji. Ia bersifat menyelesaikan masalah-masalah yang dikemukakan oleh jemaah haji semasa mengerjakan haji. Namun perbahasan tentang nilai-nilai spiritual melalui ibadat haji tidak dibincangkan secara formal .

Bagi seseorang *mudarris* yang menjadi role model dan rujukan kepada masyarakat mereka seharusnya dapat mempengaruhi masyarakat diluar sana tentang hikmah dari pelaksanaan ibadah haji. Setiap rukun haji bermula dengan niat, memakai ihram, tawaf, saie, bermalam di Mina dan sebagainya terdapat nilai-nilai spiritual tersendiri dan jika ianya diaksanakan dengan sempurna akan menghasilkan kecerdasan emosi tauhidik. Ketika pertama kali memandang kebesaran dan kehebatan Kaabah, maka pada saat itu meraka haris memyematkan kedalam hati sanubari akan keagungan Kaabah dan dalam masa yang sama memiliki satu keazamaan agar semua warga pendidik dapat melihatNya sebagaimana Dia membenarkan mereka melihat rumahNya. Mereka harusah melakukanya dengan niat yang ikhlas serta berazam memutuskan hubungan dengan keseronokan dunia dengan mengorbankan jiwa dan raga bagi menghadap Allah SWT. Para *mudarris* juga mestilah memiliki sifat *wasatiyyah* dan bersederhana dengan cara tidak menunjukkan kemewahan dan kemegahan kerana dibimbangi akan lahir perasaan sombong diri (Hawwa, t.t. : 82 ; al-Ghazali, t.t : 358). Sepanjang mereka berada di tanah suci juga para *mudarris* harus redha dan sabar atas setiap musibah dan ujuan yang dihadapinya serta menekankan kepada keperluan memiliki ilmu dan kefahaman yang tinggi berkaitan ibadah haji (Hawwa, t.t. : 84 ; al-Ghazali, t.t : 359). Ibadat haji dalam bentuk perlakuan seperti melontar dan saie juga memiliki nilai-nilai spiritual yang tersendiri, di saan melontar para mudarris mestilah terdetik didalam hatinya untuk memenuhi setiap perintah Allah SWTsebaga membuktikan kehambaan dan yang paling penting melontarkan hasutan dan pengaruh syaitan dan nafsu *ammarah* yang wujud dalam diri. (Hawwa, t.t. : 89 ; al-Ghazali, t.t : 365-366 ; Ibn Qudamah , t.t : 44). Manakala dalam konteks ibadat saie pula dari bukit Safa dan Marwah , para *mudarris* harus membayangkan juga suasana mundar-mandir dirinya disaat hari perhitungan dan disaat hari mahsyar nanti. Setelah para mudarris selesai menunaikan tanggungjawabnya di Kota Makkah, mereka akan bergerak ke kota Madianah, disinilah tempat Rasulullah SAW mendirikan sebuah negara Islam dan tempat bersemadinya Rasulullah SAW dan para sahabat. Oleh itu, para mudarris perlu wujud rasa kesal kerana tidak dapat bersama-sama Rasulullah SAW serta tidak dapat menjadi sahabah Baginda atau teman kepada sahabat Baginda SAW (Hawwa, t.t. : 91-92 ; al-Ghazali, t.t : 367-368 ; Ibn Qudamah , t.t : 44).

Hakikatnya, nilai-nilai spiritual yang dipupuk daripada ibadah haji merangkumi ibadah *qalbiyyah*, *maliyyah* dan ibadah *badaniyyah* sebenarnya ia banyak memberi kesan dalam merialisasikan kecerdasan emosi tauhidik para *mudarris* . Ibadah haji dapat membersihkan jiwa, memtenteramkan hati melalui konsep penyerahan diri. Sifat sabar dalam menghadapi kesulitan dan melatih jiwa untuk melakukan ibadah dengan sebaik-baiknya dan berjaya membina jati diri merupakan matlamat utama para *mudarris.*

KESIMPULAN

Sa’id Hawwa berpendapat bahawa, amalan beragama yang merangkumi lafaz syahadah, ibadat solat, puasa, zakat dan haji melalui rukun-rukunya yang tertentu bukan sahaja ibadat itu sah dan diterima Allah SWT malah ianya mampu mempengaruhi jiwa seseorang serta boleh mencapai tahap kecerdasan emosi tauhidik. Karakter dan perwatakan seorang *mudarris* sebenar ialah lahir dari penghayatan dua kalimah syahadah semasa mendirikan ibadah solat. Ianya mampu membebaskan diri dari bertauhidkan selain dari Allah SWT yang layak disembah dan akan menzahirkan keperibadian Rasulullah SAW sebagi *qudwah hasanah*. Ibadat solat pula akan membolehkan seseorang individu menjadikannya sebagai benteng utuh untuk mencegah perkara-perkara keji dan mungkar sekiranya dilakukan dengan penuh keikhlasan. Penuycian jiwa seseorang mudarris akan tercerna denga pelaksanaan ibadat zakat, seluruh jiwa akan dapat disucikan dengan pelaksanaan ibadat zakat secara ikhlas serta menyedaraiada hak-hak insan lain dalam harta kita. Zakat juga dapat menyucikan diri dari sifat kedekut, sombong yang merupakan sifat-sifat *mazmummah* yang perlu dihindari. Ibadat puasa pula dapat melatih dan menjana sifat takwa dan sabar yang merupakan lambang mujahadah seseorang hamba dalam melawan hawa nafsu serta bisikan syaitan. Akhirnya ibadat haji, jika ianya dilaksanakan dengan ikhlas dengan penuh penghambaan, pengorbanan dan kepatuhan kepada Allah SWT membolehkan seseorang mudarris membina kecerdasan hati, kejernihan jiwa yang akan membawa kepada kecerdasan emosi tauhidik. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa jika seseorang *mudarris* dapat menghayati nilai-nilai spiritual dalam setiap rukun yang terkandung dalam amalan beragama ianya bukan sahaja mendapat keredhaan dan pahala dari Allah SWT malah ianya bertindak sebagai satu proses kearah kecerdasan emosi tauhidik seseorang. Namun begitu ianya bergantung kepada tahap dan sejauh mana penghayatan *mudarris* tersebut terhadap nilai-nilai spiritual dalam pelaksanaan amalan tersebut .

RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajury. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim. Journal of Islamic Education 2(1): 43-36.

Abdullah Nasih 'Alwan , 1968, *Tarbiyyah Al-Awlad Fi Al-Islam*. Kaherah : Dar al- Salam

Al-Ghazali Abu Hamid. T.th. *Ihya' Ulum Al-Din*. Kaherah : Al-Masyad.

Al-Ghazali Abu Hamid. T.th. *Rawdat al-Talibin wa ' Umdat al- Salikin* . Beirut : Dar al-Nahdah

Al- Hafiz Al- Suwaid Muhammad Nur Ibn Abdullah. 1988. *Minhaj Tarbiyah Nabawiyyah Li Al-* Tifl Kuwait : Muasassah al-Rayyan.

Al-Qushayri, Abi al-Qasim. 2003. *Al-Risalah al-qushayriyyah*. Beirut : Dar al-Khyar.

Aiza Maslan. 2009. Dari Tabung Buluh Ke Tabung Haji; Sejarah Pengerjaan Haji Orang Melayu 1850-1984. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. Tesis Doktor Falsafah

Anas, A. K. (2012). Tazkiah Al-Nafs (H. E. Threeska, terj.). Jakarta Timur: Akbar Media Eka Sarana.

Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). Research methods in education. Oxon: Routledge.

Faisol Mat Isa. 2001, Jihad Politik. www.ikhwan .online

Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi & Asmawati Suhid. 2013. Penerapan Elemen Ilmu oleh Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Dlm. *Wacana Pendidikan Islam Siri ke 9 Peringkat Serantau*, 1-17. Brunei Darussalam.

Hasni Mohammed. 2001. *Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Holistik.* Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasty Hotel, 4-7 Disember.

Ibn Qudamah, Ahmad bin ‘ Abd al-Rahman al-Maqdisi , t.t . *Mukhtasar minhaj al-Qasidin* . Beirut Dar al-Ma’rifah

Nordin, T.A., 2002, Dan,N. 2003. Pendidikan dan pembangunan manusia pendekatan bersepadu.Bandar Baru bangi ; As-Syabab Media.

Sa’id Hawwa, 1987, *Hadi Tajribat Syahadati* . Maktabah Wahbah, Kaherah.

Sa’id Hawwa, 2001, *ak-Islam* . Kaherah : Dar al- Salam .

Sidik Baba. 2006. *Pendidik Rabbani*. Kuala Lumpur : Karya Bestari Sdn.Bhd.

AI-BASED RECRUITING PLATFORM IN THE RECRUITMENT PROCESS AND QUALITY OF HIRING

Ari Wibisono Listyo Nugroho[1], Mohd Fakhri Mat Saad[1], Mohammad Baijed[1], Rajermani Thinakaran[1a]

[1]Faculty of Information Technology, INTI International University, Nilai, Malaysia

[a]email: rajermani.thina@newinti.edu.my

Abstract

The phenomenon of digital transformation has led organizations to integrate latest technologies in Human Resource Department to acquiring effective and efficient recruitment process. However, some organizations still have manual recruitment process that are fully conducted by human workforce, which is time consuming, and requires lots of effort to complete the recruitment process. Thereby, this study aims to review some recruiting platforms available in the market that are powered by Artificial Intelligence (AI) using Systematic Literature Review method. The authors have conducted research on the functionalities and characteristics of these AI-based recruiting platforms and analyze their benefits and drawbacks towards the recruitment process and quality of hiring. The finding reveals that, HireVue as one of the AI platforms provides several assessments that can improve the quality of hiring by helping the company to acquiring the best candidate for open position or specific job in the organization. It is hoped this research would provide an opportunity for any organizations to consider of using the proposed AI-based recruiting platform in their recruiting processes.

Keywords: Digital Transformation, AI Recruiting Platform, Recruitment Process, Quality of Hiring

INTRODUCTION

Digital era encourages organizations to invest on latest technologies. Technologies are upgraded from time to time, to purposely easing the business operations and processes more effectively and efficiently (Caroline, 2020). Artificial Intelligence (AI) tools would be one of the investments that can facilitate the organizations with better business processes (Caroline, 2020), and AI tools can be implemented in various business department such as Human Resource Department (HRD) where recruitment of human workforce will be involved. The recruitment process takes a lot of time to complete (Javed et al., 2020) and there are various manual processes that recruiters need to perform, such as shortlist candidates, review Curriculum Vitae (CV), evaluate candidate’s competencies and job skills, and more (Javed et al., 2020). To save time (Radosavljevic et al., 2020) and cost, organizations can use AI-based recruiting platform, a platform that can automate the bulk processes into more efficient way (Chrisos, 2018; Caroline, 2020), such as sourcing candidates (Caroline, 2020; D’Agostino, 2020), screening (Dijkkamp, 2019; D’Agostino, 2020), test the candidate’s soft skills and job competencies through specific job-related assessments. Whether the organizations choose to use the AI recruiting platform to obtain intelligent decision making (Dijkkamp, 2019; Roddy, 2020) for choosing the best fit candidates or to improve the current recruitment process, AI can make a significant impact for the organizations (D'Agostino, 2020).

The phenomenon of digital transformation has led to the evolution of talent acquisition (Dijkkamp, 2019; D'Agostino, 2020). The phenomenon of digital transformation increases a realization that integrating technology in all aspects of business will reduce operational costs, evolve the user experience, and revamp the existing business strategies to make them competent in highly volatile landscape (Prakash et al., 2019). The phenomenon is stated by Black and Van Esch (2020) in the research paper of Paramita (2020) that illustrates the evolution of digital recruiting 1.0, 2.0, and 3.0, whereby digital recruiting 3.0 is a phase where AI takes place. Through considerable amounts of literature in this topic has led to a realization or recognition towards the benefits of AI implementation in recruitment processes and talent acquisition.

AI technology has spread globally bringing about numerous and various opportunities to change the method of working in heaps of work areas, including Human Resources (HR), and uncommonly, hiring system (Vedapradha et al., 2019) and various organizations starts to utilize the functions offered by AI-based recruitment platforms (Marr, 2018; Dijkkamp, 2019) to upgrade their hiring process (Vedapradha et al., 2019). In addition, one of the major trends in Human Resource / talent acquisition will be AI and AI will transform the recruitment process in various ways (Dijkkamp, 2019). Efficient and fairer screening process is what AI recruiting platform will guarantee (Dijkkamp, 2019; Fernandez et al., 2019).

Referring to Figure 1 shows the recruitment process flow by Ordanini & Silvestri (2008), written in the research paper of Paramita (2020). The recruitment process starts with job advertising, whereby involves several postings on job vacancy in various job-seeking channels or platforms, then screening process, whereby involves filter and shortlist candidates who are qualified for the job specification based on CV screenings, assessment test, and pre-screening interview. Followed by next process is competency test of the candidates and interview sessions with hiring managers and HR Personnel and lastly come to offering decision, providing contracts for the chosen candidates.



Figure 1: Recruitment Process by Ordanini & Silvestri (2008) in the research paper of Dhyana Paramita (2020)

As such, some of the processes can be utilized through investment on AI-Based recruiting platform, whereby providing some benefits in recruitment process and quality of hiring (Upadhyay, 2019; Mitchel, 2020). Through AI, it can be done through several stages (Schweyer, 2017) and able to evaluate the candidate automatically (Dijkkamp, 2019) in more effective way (TalentLyft, 2018). Other benefits are the integration of analysis, whereby AI can analyze the candidate's competencies accurately through the use of algorithm (Upadhyay, 2019; Javed et al., 2020). In addition, the algorithm helps to evaluate the word choices, speech patterns, as well as facial expressions of the candidate to assess if the candidates fit for the role (Upadhyay, 2019). If the organizations are able to offer positive candidate experiences through the use of AI, it means that there is potential for their quality of hiring to be improved (BasuMallick, 2020). Furthermore, AI can save a lot of time for recruiters during the recruitment processes (Mitchel, 2020), since most of the processes can be done through automation and AI also enable the organizations to get an opportunity to hire the best candidates based on their real potential and personality (TalentLyft, 2018). AI in talent acquisition also provide more benefits as stated in statistic form by Oracle, 2019 as illustrated in Figure 2.



Figure 2: Benefits of AI software in recruitment process (Oracle, 2019).

To strengthen the previous literature, stated by Bhalgat, 2019 in his doctoral paper on analysis towards AI Software in various levels of recruitment. Referring to Figure 3, shows the use of AI mostly for CV shortlisting, online assessment test and for the whole recruiting measure. This is connected to the ability of AI to speed up the recruitment through automation (TalentLyft, 2018) and giving additional data to the recruiter investigating the candidates' web-based media and their action on work promotion sites (Upadhyay, 2019; Radosavljevic et al., 2020).



Figure 3: Analysis of AI software used in various levels of recruitment (Bhalgat, 2019).

The best AI-based recruiting platform is the one that allows talent acquisition team to become more efficient in its processes (Chrisos, 2018). The high needs of talent leading encourage organizations to invest on AI technology that can enhance and assist their current business processes such as recruiting processes (Vedapradha et al., 2019) to be more effective and efficient (TalentLyft, 2018; Radosavljevic et al., 2020).

An example of AI Hiring Platform is HireVue, a platform that combines AI with video interviews in the process of attracting and hiring candidates for the job. Through this platform, candidates are analyzed, using AI to assess their verbal abilities, intonation, and non - verbal gestures (Radosavljevic et al., 2020). Apart from giving benefit to select the qualified candidates, this AI Hiring platform also reduces time to the recruitment process (Radosavljevic et al., 2020).

However, there are things to keep in mind that not all AI-based recruiting platform can help improve the recruiting process and quality of hiring, therefore, organizations should study their business requirements and come up with some questions such as: 1. What are the things needed by the staffs?; 2. Do the capabilities of this platform can help improving the recruiting process and quality of hiring and solve the challenges?; and 3. Will this platform be able to align together with other investment made by organization? (Chrisos, 2018). Based on requirements on what area to improve, the organizations will benefit from the implementation as the platform functions as expected or needed.

Apart from conducting considerable amounts of literature through scholarly articles, and other sources relevant to the particular topic, this paper also aims to gather information regarding thoughts, opinions, and experiences of HR Personnel and Job Applicants out there towards the use of AI in talent acquisition, which can be done through the distribution of questionnaire survey. This type of survey helps bring greater structure to a research, which can help maximize the success of the study or investigation (Cleave, 2021). Below is the survey that have been conducted and distributed among HR Personnel and several Job Applicants, to purposely gather insights from their responses.

Table 1: Summary of key opinions (positive and negative) by HR personnel on AI on recruitment process

<table>
<tr><th>Data</th><th>Results</th></tr>
<tr><td>AI recruiting platform is easing the HR recruitment process</td><td>
</td></tr>
<tr><td>AI recruiting platform is helping to find the best job applicant/talent for the job</td><td>
</td></tr>
<tr><td>AI recruiting platform can reduce prejudice or bias in the recruitment processes</td><td>
</td></tr>
<tr><td>AI recruiting platform can replace human recruiter in the recruitment processes</td><td>
</td></tr>
</table>

AI recruiting platform can facilitate better interaction with job applicant than human recruiter	

The result of the survey reveals that more than half of the HR personnel respondents are still in doubt on the aspect of AI easing the recruitment process as 57.1% answered 'Maybe'. On the AI implications, the respondents have a positive feedback on the aspects of AI recruiting platform in helping to find the best job applicant/talent for the job and reducing prejudice or bias in the recruitment processes. On the aspects of replacing human recruiter in the recruitment processes and facilitating better interaction with job applicant than human recruiter, half (52.4%) of the respondents were either disagree or neutral.

Table 2: Summary of key opinions (positive and negative) by Job Applicants on AI on recruitment process

Data	Results
AI recruiting platform can conduct live interview better than a human recruiter	

AI recruiting platform can assess the applicant's job-related technical skills better than a human recruiter	
AI recruiting platform can automate or schedule the interview session better than a human recruiter	

AI recruiting platform can interact effectively with job applicant	
AI recruiting platform is exciting	

The result of the survey reveals that almost majority of the job seeker are neutral on the aspect of AI recruiting platform can conduct live interview better than a human recruiter. Here, it may resonate that the majority of job seeker prefer to have face-to-face interview as well. On the other hand, most of the respondents have good feedback on the aspects of AI-platform software can assess the applicant's job-related technical skills better than a human recruiter, AI recruiting platform can automate or schedule the interview session better than a human recruiter and AI recruiting platform interacts effectively with job applicant. Furthermore, most of the respondents feel that AI recruiting platform is exciting in the recruitment process.

AI-BASED RECRUITING PLATFORMS IN MARKET

According to *sourceforge.net*, there are various top rank AI-based recruiting platforms in the market that job applicants and HR persons familiar with, such as XOPA AI, Adnexio, Talkpush, Hiretual, Eightfold, AmazingHiring, Humanly, Manatal, HireVue, Harver, Entelo, and more. Though some of their features are common between one and another, there are several features that makes each of them unique and different to others. In this paper, two AI hiring platforms available in the market will be discussed, HireVue and Manatal. Their popularity and majorly positive feedbacks from users that make the author to choose the following platforms. According to *selectsoftwarereviews.com*, it is stated that HireVue is among the top 12 AI recruiting software as per February 2020 (Strazzula, 2021). In addition, according to *ideal.com* blog, it is stated that with the recent survey with 63% HR persons, HireVue successfully placed at first position as the top video interviewing tool as per 2021 (Mondal, 2021).

This section is discussing the features these platforms offer as well as its pricing. The research methodology in this paper is mainly literatures, observations of user feedbacks and important related information that can be found on blogs, websites, or forums.

A. HireVue

HireVue was founded in 2004 and is headquartered in South Jordan, Utah. HireVue is one of the best known AI-Based recruiting platform that can assist well in the recruitment processes. HireVue can deliver the best talent, faster with video interviews and AI-driven pre-hire assessments. Furthermore, HireVue allow recruiters and hiring managers to screen the candidates and conduct the interview sessions online or live over the internet. By having video interview, it can help the companies to do the candidate screening faster while meeting compliance regulations and reducing travel expenditures (Brunskill, 2019).

In terms of pricing, the pricing in HireVue is complex and it varies based on which products being selected by the organization (customer) to use either video interviewing only, video interviewing with 4 assessments, etc. and also based on the amount of hiring involved (Brunskill, 2019). It is suggested that the pricing in HireVue place between $25 to $175 per interview (Brunskill, 2019). In addition, the pricing is not provided to general public and required to contact the company directly to obtain the quotation and / or personalized pricing. According to *g2.com*, HireVue is 34% more expensive than the average video interviewing product in the market while inc.com reported HireVue runs between $25 to $175 per interview depending on whether have a subscription or not.

HireVue has been used by lots of big companies to improve their current processes, as these companies believe HireVue can provide functions as they requested. Some of the companies are as below.

- **Cathay Pacific** – this company uses HireVue to improve their hiring time using video interviewing. As a result, significant improvement on efficiency as stated 90% faster time to hire and 30% increase in interview attendance.
- **Maggiano's Little Italy** – this company uses HireVue to improve the high-volume hiring efficiency through usage of chat and text. As a result, 21k+ number of candidates being engaged, 17k+ number of interviews scheduled, and 5.1k+ number of applicants being hired.

- **G4S** – this company uses HireVue to speed up their candidate flow through chat-based recruiting automation. As a result, 25% improvement in funnel conversion rates, 20% increase in scheduled interviews, and 32% higher in candidate satisfaction.

B. Manatal

Manatal was founded in 2017 and is headquartered in Thailand. Manatal is an AI cloud-based recruitment platform that can transform the current recruitment process to a global scale. Manatal is purposely designed with intuitive, fun, and user-friendly platform to optimize the entire recruitment process. Manatal has applicant tracking system that can locate and source the right talent pool to the onboarding phase and after, with short amount of time with generating insights and information. Using Manatal also beneficial for both candidates and recruiters, whereby it provides a user-friendly solution for total beginners (Williams, 2020).

In terms of pricing, Manatal has three pricing categorization customers may consider.

- **Professional:** Professional category charges $15 per user per month if billed annually or $19 per user per month if billed monthly.
- **Enterprise:** Enterprise category charges $35 per user per month if billed annually or $39 per user per month if billed monthly.
- **Customize:** The charge of Customize category would vary depending on request of the customers. Customers may contact Manatal directly to obtain the quotation and / or personalized pricing.

RESULTS AND DISCUSSIONS

This section will discuss the positive and negative implications of the aforementioned platforms towards the recruitment process and how these platforms would affect its quality of hiring. Furthermore, this section will provide a comparative study between the two, this will allow to evaluate which one would perform better and suitable for some organizations.

HireVue Platform

A. HireVue Positive and Negative Implications on Recruitment Process

HireVue has functions that can help to assist in the recruitment process. The functions are as below.

- Video interview – HireVue provide video interviewing online or live over the internet, that connects the recruiters with the hiring managers and candidates.

- Accelerate recruitment processes – HireVue can accelerate the recruitment process, as some of the elements in the process can be done automated such as sourcing, screening candidates, and scheduling the interview with candidates.
- Reduce time and cost – HireVue can eliminate the manual recruitment process and come up with a faster process through automation and also reduction to the repetitive task, thus cost effective.
- Convenient – Allows candidates to self-schedule interview dates and times so there is less administration for the Talent team. In addition, HireVue is featuring the ability to have candidates submit video reviews. It is timesaving to be able to pre-screen and rate candidates before they walk-in to the company.

Although HireVue gives benefits on recruitment process, there are some drawbacks as well. The drawbacks are as below.

- Reduce human workforce – as HireVue can perform the recruitment process through automation, human workforce will be reduced. There are times when human can do more than the system, such as maintenance and also when evaluating the candidates during the interview sessions.
- Maintenance on the algorithm – as HireVue uses algorithm for it to work, maintenance should be kept going because no analysis can happen without algorithm.
- Require strong internet connection – as HireVue runs online and live over the internet, it requires strong internet connection. There are times when internet line gets interrupted, resulting the whole recruiting process/operation to get slowed down.
- Tools adoptions are not user friendly.
- Platform does not accept excel uploads and it would be better if this feature can be added.
- Slow performance in downloading content and progress in updating new features.

B. HireVue Positive and Negative Implications on Quality of Hiring

HireVue has functions that can help to assist in the quality of hiring. The functions are as below.

- Pre-hire assessment – this assessment collects thousands of data points in a single assessment to provide the company recruiters with the most accurate insights of every candidate's job-related competencies.
- Game-based assessment – this assessment is equipped with algorithm, allowing the candidates to gameplay according to the job-relevant. Thus, this algorithm will link this gameplay to job-relevant competencies to see if the candidate has potential to fit the open position job offered by the organization.

- Coding assessment – this assessment is equipped in the platform, mostly used to accurately measure the job-relevant technical skills. Through this assessment, the organization can select the most suitable candidate with the required skills.
- Trainings – HireVue can provide trainings for the recruiters and candidates, allowing them to get familiar with how the platform works. HireVue usually provides training in the form of documentation, webinars, live online, in person.
- Software ranking algorithm to determine the most suitable candidates for the job.
- Data points from video interview - to predict which candidates are likely to become top performers and meet the company's business objectives.
Raja Nur Faznie Aida. (2020). Aplikasi Video Lucah, Seksi Punca Jenayah Seksual Meningkat. Kuala Lumpur: Sinar Harian.

Shaikh Mohd Saifuddin. (2000). Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

TechNaveBM. (2020, Mac 19). Retrieved from Trafik Pornhub di Malaysia meningkat sehingga 84% sepanjang wabak COVID-19, ke-4 tertinggi di dunia: https://bm.technave.com/trafik- pornhub-di-malaysia-meningkat-sehingga-84-sepanjang-wabak-covid-19-menular-6370.

PENTERJEMAHAN ISTILAH COVID-19 DALAM MEDIA SOSIAL FACEBOOK

Anis Shahirah binti Abdul Sukur[1a]

[1] Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

[a]Email: sha_anis@usm.my

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia telah mengakibatkan proses penyebaran maklumat berlaku dengan pantas dalam pelbagai bahasa. Selain saluran media perdana, masyarakat menggunakan media sosial seperti Facebook sebagai salah satu medium untuk memperoleh dan menyebarkan maklumat tentang pandemik ini. Pelbagai istilah muncul sebagai naratif baharu COVID-19 dan fenomena ini juga telah mendorong ke arah aktiviti penterjemahan istilah dilakukan dengan lebih giat. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memanfaatkan medium Facebook bagi menyebarkan istilah semasa dalam bidang kesihatan awam dan perubatan yang berkait dengan COVID-19. Langkah pantas dan mesra khalayak awam ini memudahkan penggunaan istilah semasa COVID-19 dalam bahasa Melayu tersebar dengan meluas. Walau bagaimanapun, timbul persoalan tentang sejauh mana penterjemahan istilah ini memanfaatkan kosa kata sedia ada dalam bahasa Melayu, atau cenderung untuk mengutamakan istilah bahasa Inggeris sehingga menggalakkan fenomena keinggerisan berleluasa. Berlandaskan permasalahan ini, kajian ini bertujuan menganalisis padanan terjemahan istilah COVID-19 yang disiarkan menerusi media sosial Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka. Istilah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ini dianalisis dari perspektif terjemahan dan pembentukan istilah bahasa Melayu. Pandangan Newmark (1988) dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUPIBM) dimanfaatkan dalam analisis data ini. Dapatan kajian memberikan maklumat bahawa wujud pertindihan antara prosedur terjemahan yang digagaskan oleh sarjana terjemahan serta panduan PUPIBM. Data kajian juga memberikan maklumat bahawa elemen bahasa Inggeris masih wujud dalam istilah versi terjemahan. Implikasi kajian ini ialah terjemahan juga merupakan salah satu cara penyebaran maklumat COVID-19 di samping memperbanyakkan istilah bahasa Melayu dalam bidang kesihatan awam dan perubatan.

Kata kunci*:* COVID-19, keinggerisan, terjemahan, istilah, media sosial.

PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 yang bermula dari Wuhan telah mengakibatkan kesan berangkai terhadap sektor utama dunia seperti kesihatan, ekonomi dan pendidikan. Selain itu, COVID-19 telah mewujudkan istilah-istilah baharu yang penggunaannya tersebar serta mencambahkan korpus peristilahan dalam semua bahasa di seluruh dunia, termasuklah bahasa Melayu (Junaini, Rusmadi & Anis Shahira, 2020). Dalam konteks peristilahan bahasa Melayu (Junaini, 2015; 2020), penciptaan istilah melibatkan proses inovasi dan tatacara khusus. Hal yang sama berlaku dalam konteks bahasa Inggeris (Haugen, 1950; 1972) dan bahasa-bahasa lain. Tuntasnya setiap bahasa dunia mempunyai tatacara peminjaman dan penciptaan istilah yang unik bersesuaian dengan pemikiran dan kebudayaan tempatan. Penularan pandemik COVID-19 hakikatnya telah turut merancakkan penciptaan dan penyebaran istilah bidang sains ini ke dalam perbendaharaan kata pelbagai bahasa dunia.

1. Penterjemahan Istilah

Dalam konteks Malaysia, terdapat pelbagai kajian yang menjurus pada aspek peristilahan bahasa Melayu seperti kajian peristilahan oleh Heah (1989) dan Puteri Roslina (2012). Selain itu, kajian Nathesan (2015) dan Asmah (2008a; 2008b) memberikan maklumat bahawa bahasa Melayu bersifat dinamik dan meminjam istilah asing bagi memperkaya kosa kata pengguna bahasa. Antara bahasa yang memberikan sumbangan terhadap perbendaharaan kata bahasa Melayu adalah bahasa Arab, Parsi, Tamil, Inggeris, dan Cina. Bermula daripada peminjaman pelbagai perkataan daripada bahasa Sanskrit dan Arab, seterusnya perkataan daripada bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa pula dipinjam berlandaskan usaha untuk memodenkan bahasa Melayu.

Kajian Ab. Razak (2012) juga membuktikan bahawa penggunaan bahasa Melayu mencakupi pelbagai bidang yang mempunyai laras bahasa yang tersendiri. Secara tidak langsung, penggunaan istilah bagi bidang sains adalah berbeza dengan bidang sastera, agama dan geografi. Selain itu, langkah peminjaman telah mengakibatkan fenomena keinggerisan berlaku (Fischer, 2008). Namun, fenomena ini tidak wajar dilihat dari satu sisi apabila kajian Abdul Sukur (2018) mengetengahkan sisi positif dan sisi negatif keinggerisan menerusi kajian penterjemahan tajuk iklan bahasa Inggeris-bahasa Melayu.

Pandangan Newmark (1988) menerusi prosedur terjemahan sering dirujuk apabila langkah penterjemahan melibatkan aras perkataan. Selain perspektif terjemahan, bidang bahasa Melayu khususnya mengguna pakai Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (PUEBM) dan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUPIBM) apabila membincangkan tentang penciptaan istilah. Wujud pertindihan antara pandangan Newmark dan PUPIBM seperti persamaan antara (i) prosedur naturalisasi dan transliterasi, (ii) prosedur transference dan pinjam terus, dan (iii) prosedur terjemahan literal dan pinjam terjemah.

Di samping itu, PUPIBM (2004) juga lebih mengkhusus mengikut konteks bahasa Melayu apabila memberikan garis panduan seperti:

- Makna istilah terjemahan bahasa Melayu perlu tepat dengan makna asal dalam bahasa Inggeris.
- Penterjemahan tidak perlu mematuhi atau mengekalkan bentuk yang sama.
- Istilah terjemahan perlu terdiri daripada golongan kata yang sama dengan istilah asal dalam bahasa Inggeris.
- Pengekalan ciri semantik dalam istilah asal.

- Ciri semantik dalam bahasa Inggeris tidak perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.
- Penterjemahan yang dilakukan wajar memanfaatkan unsur dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu.
- Sekiranya istilah bahasa Inggeris menggunakan singkatan, istilah terjemahan perlu menggunakan sing-katan yang sama.

Oleh sebab penulisan ini melibatkan pasangan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, maka penekanan diberikan kepada aspek peristilahan dalam kedua-dua bahasa berkenaan sahaja. Selain itu, data juga terbatas kepada medium khusus yang akan dijelaskan dalam bahagian seterusnya penulisan ini.

2. Data Istilah COVID-19

Kajian ini dijalankan mengikut beberapa peringkat dan melibatkan data istilah COVID-19 sahaja. Pertama, pengumpulan istilah semasa COVID-19 melibat laman sesawang terpilih, iaitu media sosial Facebook. Media sosial ini dipilih kerana mempunyai bilangan pengguna yang tinggi dan kadar penyebaran maklumat istilah yang pantas berbanding media bercetak. Kedua, istilah dikumpulkan dari Julai 2020 hingga Ogos 2020, iaitu selama dua bulan. Sebanyak 100 istilah pasangan bahasa Inggeris - bahasa Melayu dari bidang kesihatan dan perubatan telah dikumpulkan.

Ketiga, pasangan istilah ini dianalisis bagi mengenal pasti pola-pola yang terlibat. Analisis dilakukan secara perbandingan antara ejaan, penulisan suku kata dan sebutan perkataan. Keempat, pandangan Newmark (1988) serta panduan PUPIBM (2004) dimanfaatkan dalam menganalisis data. Kelima, kesimpulan dibuat berdasarkan hasil analisis perbandingan istilah bahasa Inggeris-bahasa Melayu.

HASIL KAJIAN

Analisis data dilakukan secara perbandingan seperti dalam Jadual 1 di bawah. Istilah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu diletakkan bersebelahan, seterusnya pola pembentukan istilah dan prosedur terjemahan ditentukan.

Jadual 1 Contoh Perbandingan Antara Istilah Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu

Bahasa Inggeris	**Bahasa Melayu**	**Prosedur Terjemahan**	**PUPIBM**
pandemic	pandemik	naturalisasi	transliterasi
viremia	viremia	transference	pinjam terus
casual contact	kontak biasa	literal	pinjam terjemah
disinfectant	disinfektan/ penyahjangkit	naturalisasi	transliterasi

Hanya empat contoh diberikan bagi menunjukkan pola yang terlibat dalam penterjemahan istilah COVID-19. Pola ini memberikan beberapa maklumat yang boleh dirumuskan (i) istilah terdiri daripada akronim, kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk, (ii) wujud perbezaan antara istilah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu bagi menyesuaikan dengan hukum kedua-dua bahasa, contohnya hukum D-M (diterangkan-menerangkan), (iii) perubahan ejaan, suku kata dan sebutan memberikan maklumat kata pinjaman asing dalam bahasa Melayu, contohnya akhiran -mic (-mik), yang memberikan justifikasi akan fenomena keinggerisan sememangnya berlaku dalam pembentukan dan penterjemahan istilah, dan (iv) satu perkataan yang mempunyai dua padanan istilah bahasa Melayu yang boleh mengakibatkan ketidakselarasan dalam penggunaan istilah.

RUMUSAN

Sebagai rumusan, terdapat pertindihan antara prosedur terjemahan yang digagaskan oleh sarjana Newmark (1988) serta panduan PUPIBM (2004). Walaupun padanan kata yang berbeza digunakan, (i) konsep naturalisasi dan transliterasi misalnya merujuk tindakan meminjam perkataan bahasa asing dan menyesuaikan kata pinjaman tersebut mengikut sistem bahasa sasaran, (ii) konsep transference dan pinjam terus merujuk tindakan meminjam tanpa melakukan sebarang perubahan terhadap bentuk perkataan, dan (iii) konsep literal dan pinjam terjemah merujuk tindakan meminjam dan memberikan padanan sejadi mengikut hukum tatabahasa yang tepat.

Data kajian juga memberikan maklumat bahawa elemen bahasa Inggeris masih wujud dalam istilah versi terjemahan memandangkan istilah COVID-19 sememangnya dicipta dan berasal dari luar negara. Fenomena keinggerisan ini tidak sewajarnya dipandang dari sudut negatif semata-mata kerana langkah peminjaman kata asing mampu memperkaya perbendaharaan kata di samping memindahkan ilmu pengetahuan. Implikasi kajian ini ialah terjemahan juga merupakan salah satu cara penyebaran maklumat COVID-19 di samping memperbanyakkan istilah bahasa Melayu dalam bidang kesihatan awam dan perubatan.

RUJUKAN

Ab. Razak Ab. Karim. (2012). *Kepelbagaian laras bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Academy of Malay Studies, University of Malaya.

Abdul Sukur, A.S. (2018). Unsur keinggerisan dalam tajuk utama katalog bercetak versi terjemahan berbahasa Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*. 25(1): 95–114.

Asmah Omar. (2008a). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. (2008b). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fischer, R. Introduction: Studying anglicisms. In Fisch-er, R. & Pułaczewska, H. (Eds.), *Anglicisms in Europe* (1-15). New Castle, Cambridge Scholars Publishing (2008).

Haugen, E. I. (1950). The analysis of linguistics borrowing. *Language.* 26, 210-231.

Haugen, E. I. (1972). *The ecology of language: Essays* by Einar Haugen. (Anwar S. Dil., Ed.). Stanford, California, Stanford University Press.

Heah, C. L. H. (1989). The influence of English on the lexical expansion of bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Junaini Kasdan. (2020). Penciptaan istilah dan akal budi Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation.* 8(1), 3-16.

Junaini Kasdan, Rusmadi Baharuddin & Anis Shahira Shamsuri. (2020).Covid-19 dalam Korpus Peristilahan Bahasa Melayu: Analisis Sosioterminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 20(3), 221-241.

Junaini Kasdan. (2015). Inovasi dalam proses mencari padanan istilah bahasa Melayu. *Rampak Serantau.* 22, 196-212.

Nathesan, S. (2015). *Etimologi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. New York, Prentice Hall.

Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu. (1992).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu. (2004). Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka

Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Menelusuri peristilahan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, University of Malaya Press.

GOOGLE CLASSROOM "DIINTEGRASIKAN" DALAM PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN FOOD AND BEVERAGE SERVICE (F&B): KESEDIAAN DAN KEBERKESANAN

Wan Zunaida Wan Ibrahim[1a] & Quah Wei Boon[2]

[1] Unit Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Sungai Petani

[2] Unit Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Sungai Petani

[a]Email: wanzunaida5462@gmail.com

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelajar Food and Beverages Service (F&B) terhadap pelaksanaan e-pembelajaran dengan menggunakan Google Classroom dan keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran menggunakan Google Classroom dalam kelas F&B. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti perbezaan tahap kesediaan dan keberkesanan di kalangan pelajar F&B semester 1 & 2. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mengumpulkan data kajian. Responden kajian adalah seramai 42 orang pelajar. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan dan keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran menggunakan Google Classroom secara keseluruhan adalah berada pada tahap tinggi iaitu M=3.90 dan M=3.89. Dapatan kajian ujian t pula mendapati bahawa idak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kesediaan dan keberkesanan di kalangan pelajar F&B semester 1 & 2. Kesimpulan, bagi memantapkan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk modul F&B, dicadangkan semua kerja amali/praktikal masih perlu dijalankan dalam bentuk konventional bagi memastikan pemahaman pelajar berada pada tahap yang optimum. Segala bentuk demontrasi dalam PdP dijalankan secara bersemuka supaya pelajar dapat bersoal jawab dengan terus kepada pensyarah apa jua tidak difahami, manakala rakaman video, tugasan, kuiz dan bahan PdP boleh dimuat naik di aplikasi Google Classroom. Ini menjadikan PdP F&B tidak lagi kaku dan berada pada takuk yang lama dimana generasi Z lebih berminat dengan penggunaan kaedah blended learning oleh pensyarah.

Kata kunci*:* Google Classroom, kesediaan, keberkesanan, Food & Beverage Service (F&B), E-pembelajaran.

PENDAHULUAN

Pada awal tahun 2020, satu dunia telah digemparkan dengan satu penyakit berjangkit iaitu wabak coronavirus manusia baru - sindrom pernafasan akut teruk coronavirus 2 (SARS-CoV-2). Virus dan penyakit baru ini merupakan coronavirus yang paling baru ditemui dan World Health Organization (WHO) telah mengisytiharkan wabak tersebut sebagai pandemik sehingga wabak itu bermula di Wuhan, China pada Disember 2019 (Persekutuan Farmaseutikal Antarabangsa, 2020).

Pandemik yang dialami oleh seluruh dunia ini menyebabkan semua sektor terjejas dengan teruk. Salah satu sektor yang menerima impak yang besar daripada pandemik COVID-19 ini adalah sektor pendidikan. Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP) di bawah pentakbiran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diarahkan tutup berkuatkuasa dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Dengan penutupan tersebut, semua sektor pendidikan telah mengambil pendekatan untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP), tetapi PdP mestilah diteruskan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi yang sedia ada.

Dalam era pendidikan masa kini, teknologi memainkan peranan yang penting dalam melancarkan PdP di dalam kelas. Apabila dunia digemparkan dengan pandemik COVID-19, PdP secara bersemuka di dalam kelas terus berubah kepada PdP secara dalam talian. Kolej Komuniti Sungai Petani turut juga terkesan dengan keadaan ini, malah Google Classroom merupakan aplikasi dalam talian yang menjadi pilihan oleh golongan pensyarah KKSP dalam melaksanakan sukatan kurikulum bagi semester Jun 2020. Ini disebabkan unit e-learning KKSP telah memperkenalkan Google Classroom kepada para pensyarah bagi melancarkan pelaksanaan e-pembelajaran pada semester tersebut. Justeru itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mengetahui sejauh manakah tahap kesediaan pelajar menggunakan aplikasi Google Classroom semasa pandemik ini dan keberkesanaan pelaksanaannya di dalam kelas untuk modul Food and Beverages Service (F&B).

OBJEKTIF KAJIAN

i. Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar Food and Beverages Service (F&B) terhadap pelaksanaan e-pembelajaran dengan menggunakan Google Classroom

ii. Mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran menggunakan Google Classroom dalam kelas Food and Beverages Service (F&B).

iii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kesediaan dan keberkesanan di kalangan pelajar Food and Beverages Service (F&B) semester 1 & 2.

SOROTAN KAJIAN

Google Classroom

Menurut Gunawan dan Sunarman (2018), Google Classroom (atau dalam bahasa Melayu, iaitu bilik darjah Google) adalah platform pembelajaran yang boleh dikhaskan untuk sebarang skop pendidikan yang bertujuan untuk membantu mencari jalan keluar dari kesulitan yang dialami dalam membuat tugasan tanpa kertas Menurut Okmawati (2020), platform Google Classroom ini boleh menjadi salah satu penyelesaian untuk menyelesaikan proses pengajaran-pembelajaran sementara sekolah masih tidak dapat dibuka.

E-pembelajaran

Menurut Mat Yusof dan Hasan (2019), e-pembelajaran (e-learning) adalah istilah yang cukup popular di era teknologi maklumat dan komunikasi dan ia mempunyai pelbagai tafsiran dan persepsi. Syed Cheara dan Mohd Nor (2020) menyatakan e-Pembelajaran telah menjadi sebahagian daripada medium pembelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pada masa kini. Ia mampu mempercepat pengajaran dan proses belajar dengan lebih berkesan.

Kesediaan pelajar terhadap e-pembelajaran

Beberapa kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik seperti Aljaser (2019) dan Onyema, Eucheria, Uchenna, Nkiruka, dan Eucheria (2020) mendapati kaedah e-pembelajaran dapat dikaitkan dengan prestasi peningkatan akademik di kalangan pelajar. Kejayaan pembelajaran dalam talian juga bergantung pada kesediaan pelajar itu sendiri. Kejayaan pelajar dalam mengikuti pelbagai gaya pembelajaran, dia mesti menunjukkan kualiti diri seperti tekad yang tinggi dan usaha yang berterusan untuk mencapai kejayaan. Kegagalan menunjukkan kualiti ini, maka pelajar akan menghadapi masalah untuk maju kerana mempunyai cabaran yang sangat tinggi (Amiruddin, Hassan, Abdul Rahman, Abdul Rahman, & Abu Bakar, 2020). Menurut Baharuddin dan Badusah (2015), aspek pengetahuan dan kemahiran adalah aspek penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan inovasi dalam pembelajaran.

Modul Food and Beverages Service (F&B)

Food and Beverage Service merupakan modul yang diajar kepada pelajar semester 1 dan 2 yang mengambil Program Sijil Operasi Perhotelan di Kolej Komuniti Sungai Petani. Food and Beverage Service (perkhidmatan makanan dan minuman) dapat didefinisikan secara meluas sebagai proses penyediaan, penghantaran dan penyediaan makanan dan minuman kepada pelanggan yang mengunjungi premis untuk memanfaatkan perkhidmatan makanan.

Penggunaan Google Classroom dalam kelas Food and Beverages Service (F&B)

Rajah 1 merupakan paparan skrin penggunaan Google Classroom bagi kelas F&B. Untuk setiap sub topik dalam F&B, pensyarah akan muat naik nota yang berkaitan bagi memudahkan pelajar memahami topik tersebut. Pensyarah juga boleh muat naik video tersebut bagi memastikan pelajar menonton terdahulu dan memahami topik tersebut sebelum masuk kelas praktikal. Dengan menggunakan Google Classroom, pensyarah juga boleh muat naik tugasan di sini dan pelajar juga diminta untuk menghantar tugasan di sini juga.



Rajah 1. Paparan skrin Google Classroom untuk subjek F&B.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan intsrumen soal selidik diadaptasi dan diubahsuai daripada Amiruddin et al. (2020). Populasi kajian ini melibatkan 42 orang pelajar Food and Beverage Service semester 1 dan 2 di Kolej Komuniti Sungai Petani. Soal selidik terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A (Demografi: Jantina, umur dan semester pengajian) bahagian B (Tahap kesediaan pelajar F&B terhadap pelaksanaan e-pembelajaran dengan menggunakan Google Classroom) dan bahagian C (Keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran menggunakan Google Classroom). Manakala skala tahap diinterpretasi berdasarkan nilai skor min seperti jadual 1.

Jadual 1. Skala tahap berdasarkan nilai skor min

Skor Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

5. Hasil Dapatan Kajian

Seramai 42 orang pelajar menjadi responden untuk soal selidik ini, terdiri daripada 11 orang lelaki (26.2%) dan 31 orang perempuan (73.8%). Para pelajar adalah terdiri daripada pelajar semester 1 26 orang pelajar (61.9%) dan semester 2 seramai 16 orang pelajar (38.1%) yang mengambil modul Food and Beverage Service di Kolej Komuniti Sungai Petani.

Hasil daripada analisis data demografik, didapati pelajar perempuan lebih ramai sebagai responden berbanding pelajar lelaki. Ini disebabkan pendaftaran pelajar setiap tahun di KKSP, majoritinya pelajar perempuan bagi Program Operasi Perhotelan. Data bagi taburan bangsa pula menunjukkan seramai 34 orang pelajar berbangsa Melayu (81%) dan seramai 8 orang pelajar berbangsa India (19%) untuk kedua-dua semester. Responden bagi soal selidik ini berumur dalam linkungan 18 – 23 tahun.

Nilai skor min bagi item pertama iaitu, B1 adalah pada tahap sederhana iaitu 3.55 ini menjelaskan bahawa responden tidak begitu suka mempelajari F&B di platform Google Classroom semata-mata. Skor min B1 berada pada tahap sederhana adalah kerana modul Food and Beverage Service adalah merupakan modul yang berkonsepkan 90% amali/praktikal.

Manakala nilai skor min bagi B2, B3, B4 dan B5 adalah berada pada tahap tinggi iaitu B2 (M=3.90), B3 (M=4.12), B4 (M=4.12) dan B5 (M=4.07). Keempat-empat item ini menunjukkan responden berada pada tahap tinggi apabila melibatbatkan menigkatkan kemahiran, memuatnaik tugasan dan selesa bertanya soalan kepada pensyarah melalui ruangan bualan di Google Classroom.

Berdasarkan hasil dapatan bahagian B tersebut, didapati tahap kesediaan pelajar apabila melibatkan e-pembelajaran menggunakan Google Classroom bagi modul F&B adalah tinggi sebagaimana ditunjukkan melalui nilai skor min keseluruhan, iaitu 3.90. Justeru, dapat disimpulkan bahawa pelajar F&B bersedia untuk menerima pelaksanaan e-pembelajaran dengan menggunakan Google Classroom untuk modul F&B.

Jadual 2. Tahap kesediaan pelajar terhadap e-pembelajaran *Google Classroom*

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1	Suka mempelajari F&B di *Google Classroom*.	3.55	.968	Sederhana
B2	Berminat meningkatkan kemahiran melalui *Google Classroom*	3.90	1.165	Tinggi
B3	**Selesa memuatnaik tugasan F&B di *Google Classroom***	**4.12**	**.861**	**Tinggi**
B4	Selesa menanya soalan kepada pensyarah f&b melalui ruangan perbualan di *Google Classroom.*	3.86	1.117	Tinggi
B5	Tiada masalah untuk menaip tugasan F&B yang disediakan di *Google Classroom.*	4.07	.677	Tinggi
	Jumlah kesluruhan min	**3.90**	**.751**	**Tinggi**

Hasil dapatan menunjukkan nilai skor min bagi C3 adalah pada tahap sederhana iaitu 3.64. Selain itu, nilai skor min bagi item C1, C2, C4, dan C5 adalah pada tahap tinggi. C1 (M=4.12), C2 (M=4.00), C4 (M=3.71) dan C5 (M=3.98). Manakala, nilai skor min keseluruhan adalah 3.89 berada pada tahap tinggi. Hasil dapatan yang diperoleh, jelas menunjukkan bahawa pelajar sangat bersemangat dan bersedia untuk meneroka pendekatan terkini PdP, iaitu gabungan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian.

Jadual 3. Keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran *Google Classroom*

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
C1	**Saya lebih berminat dengan pembelajaran F&B di dalam kelas ditambah dengan bahan/aktiviti di dalam *Google classroom.***	**4.12**	**.861**	**Tinggi**
C2	Saya mudah memuat turun bahan-bahan pembelajaran F&B di *Google Classroom* untuk kegunaan di dalam kelas.	4.00	.883	Tinggi
C3	Aplikasi *Google Classroom* membantu menambah minat saya terhadap F&B.	3.64	.932	Sederhana
C4	Tugasan, latihan pengukuhan dan ujian F&B lebih mudah dilaksanakan di dalam *Google Classroom.*	3.71	.864	Tinggi
C5	Saya percaya pembelajaran gabungan didalam kelas dan *Google Classroom* lebih menarik dan efisien.	3.98	.950	Tinggi
	Jumlah kesluruhan min	**3.89**	**.726**	Tinggi

Hasil dapatan juga didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaaan pelajar F&B semester 1 & 2 terhadap pelaksanaan e-pembelajaran dengan menggunakan Google Classroom (t= 0.591;

p>0.05). Tahap kesediaan pelajar F&B bagi semester 1 (min =3.78) adalah sama dengan tahap kesediaan pelajar F&B bagi semester 2 (min= 4.08).

Hasil dapatan juga didapati tidak terdapat perbezaan yang siginifikan tahap keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran menggunakan Google Classroom dalam kelas F&B semester 1 & 2 (t= 0.894; p>0.05). Tahap keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran menggunakan Google Classroom dalam kelas F&B semester 1 (min =3.95) adalah sama dengan keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran menggunakan Google Classroom dalam kelas F&B semester 2 (min= 3.78).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Melalui hasil kajian yang dijalankan terhadap responden yang mengambil modul F&B, dapat disimpulkan bahawa pendekatan PdP masih perlu menggunakan pendekatan konvensional, ini kerana modul F&B adalah modul yang melibatkan banyakkerja amali/praktikal. Namun, untuk memastikan proses PdP tidak ketinggalan zaman dan dapat diterima oleh pelajar generasi Z, pendekatan yang ada mesti digabungkan dengan pendekatan terkini, iaitu pembelajaran dalam talian.

Dicadangkan bagi memantapkan aktiviti PdP bagi modul F&B semua kerja amali/praktikal dijalankan dalam bentuk konventional bagi memastikan pemahaman pelajar berada pada tahap yang optimum. Segala bentuk demontrasi dalam pdp dijalankan secara bersemuka supaya pelajar dapat bersoal jawab dengan terus kepada pensyarah apa jua tidak difahami, manakala rakaman video, tugasan, kuiz dan bahan PdP boleh dimuat naik di aplikasi Google Classroom. Ini menjadikan pdp F&B tidak lagi kaku dan berada pada takuk yang lama dimana generasi Z lebih berminat dengan penggunaan kaedah blended learning oleh pensyarah.

RUJUKAN

Abdul Rahman, M. A., & Ibrahim, E. Y. (2010). Penggunaan e-pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from http://eprints.utm.my/id/eprint/11281/

Aljaser, A. M. (2019). The effectiveness of e-learning environment in developing academic achievement and the attitude to learn English among primary students. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 20(2), 176-194. doi:10.17718/tojde.557862

Amiruddin, A. Z., Hassan, A. T., Abdul Rahman, A., Abdul Rahman, N., & Abu Bakar, M. S. (2014, April). Penggunaan aplikasi atas talian dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga: Pengenalan kepada Quizlet.com. Paper presented at the Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014), Batu Pahat, Johor. Retrieved from http://umkeprints.umk.edu.my/2755/1/Conference%20Paper%201.pdf.

Baharuddin, S. H., & Badusah, J. (2015). Tahap penggunaan web 2.0 dalam pengajaran guru bahasa melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* Retrieved from http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/96.

Gunawan, F. I., & Sunarman, S. G. (2018). Pengembangan kelas virtual dengan google classroom dalam keterampilan pemecahan masalah (problem solving) topik vektor pada siswa smk untuk mendukung pembelajaran. Prosiding Seminar Nasional Pendidikan (pp. 340-348). Retrieved from https://core.ac.uk/download/pdf/230384795.pdf.

Mat Yusof, M., & Hassan, H. (2019). Kaedah e-pembelajaran semasa menjalani latihan industri dalam kalangan pelajar politeknik di Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 6(1), 49-59. Retrieved from http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/26789/1/Kaedah%20e-pembelajaran%20semasa.pdf.

Mohamed Yusoff, A. F., Wan Hamat, W. N., & Basir, N. K. (2019). Penggunaan aplikasi web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus mata pelajaran umum (MPU) di politeknik. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities,* 6(5), 1-13. Retrieved from https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/34031/9653

Okmawati M. (2020). The use of Google Classroom during pandemic. *Journal of English Language Teaching,* 9(2), 438-443. Retrieved from http://ejournal.unp.ac.id/index.php/jelt/article/view/109293/103809.

Onyema, E. M., Eucheria, N. C., Uchenna, E. C., Nkiruka, E. P., & Eucheria, A. U. (2020). Impact of e-learning platforms on students' interest and academic achievement in data structure course. CCU *Journal of Science*, 1(1), 1-16. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/343933988.

Persekutuan Farmaseutikal Antarabangsa. (2020). COVID-19: Informasi klinikal dan garis panduan rawatan. Retrieved from https://www.fip.org/file/4851.

Shafie M. H. B. (2020). Pelaksanaan PdPc Dalam Talian (OLL) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 Dan 2 Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan.* Retrieved from http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd.

Syed Cheara, S. L., & Mohd Nor, M. Y. (2020). Intervensi pembelajaran di portal e-pembelajaran melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram berdasarkan Model Lima Fasa Needham. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 9, 11-27. doi:10.1080/10941665.2011.610150

EXPLORING THE COMPETENCY OF THE ASSESSOR IN SELECTING THE PARTICIPANTS FOR THE INTERNATIONAL YOUTH EXCHANGE PROGRAM IN MALAYSIA

Mohd Yusof Zulkefli[1a] & Fazulia Zulkifli[2b]

[1]Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
[2]Ministry of Youth and Sports

[a]yusofzulkeflisc2013@gmail.com
[b]fazuliaz@gmail.com

ABSTRACT

In the selection process, the competency of the assessor is vital. It is because the competency reflects someone quality or state of having sufficient knowledge, judgment, skill, or strength as for a particular duty or in a particular respect. Undoubtedly, incompetency of the evaluation also happened when the assessors are beyond the professional capacity as assessor. When this situation is happening, then it will lead to the influence of personal judgements. In order to explore the influence of the selection process, thus, the objective of this study is to determine the competency of the assessor in the decision-making process during the recruitment to select the candidate to represent Malaysia for the International Youth Exchange Program. The qualitative research method was chosen to conduct this study. Data was collected through an in-depth interview with five former assessors from the Ministry of Youth and Sports and the former assessor representing the association. Since Malaysia is under Movement Control Order, hence, the interview conducted via an online platform such as Google Meet. The study found that the assessors were found to be competent as assessor. There is no element of gender discrimination that happened during the selection process. However, the credibility of the assessor from the NGOs is doubted. This is because they are exposed to the conflict of interest of those they politically known from their association. As for the recommendation, it is sensible to propose the competency model for the assessor, part of the personnel who will play a significant role in ensuring the selection of the participants. Other than that, a new persona description has been made based on the assessor's interpretation to select the youth to represent Malaysia.

Keywords: Competency, Youth, Exchange program, Assessor, Credibility, Influence

INTRODUCTION

The concept of exchange programs is more than just science and education. There can be variations in the range of programs. According to Maximova, Omelchenko, Noyanzina, & Maksimov (2018) mentioned several categories of the exchange program could be identified. For instance, sociocultural programs' main objectives are to get acquainted with life in the country, learn a foreign language, history, traditions, and customs, debunking ethnic and national stereotypes and preconceptions. In addition, seral participants joined the programme to receive formal professional education and conduct scientific research (Maclean & Adamson, 2016). It is including preparation of master and doctoral dissertations; professional internships, directed at receiving practical skills and valuable for undergraduates and young specialists wanting to extend their knowledge and gain experience (Fitzsimmons, Flanagan, & Wang, 2013). Another category of the exchange programs is undertaken in bilateral and multilateral agreements in youth policy and youth work. For example, the programs involve socially active youth with leadership potential, learning and carry out different practically-oriented projects (McIver, Lengnick-Hall, Lengnick-Hall, & Ramachandran, 2012). Different exchange programs require various institutional and legal mechanisms and practices, conceptualised in different fundamental contexts.

In Malaysia, to involve in any exchange program, a person needs to go through the selection process. According to Baharun, Awang, & Padlee (2011), all applications received will be reviewed and processed after the given deadline through the selection process. Assessment of the application will be based on the programme eligibility requirements and selection criteria of the governing body concerned. There is an exchange program where some of the successful applicants at the early stage must go through to the selection camp to be selected to represent the university, nation, or country (Universiti Malaysia Sabah, 2021). It is a normal phase faced by the applicants in Malaysia to ensure that the person is/will represent the governing body.

It is understood that it is always in the best interest of a governing body to ensure a reliable and valid selection process. Hardison et al. (2015) affirmed that the selection process is essential to afford three benefits. The three benefits are; first, it assures that those selected are more likely to perform well on the job than those not selected. Next, it allows for a legally defensible process; and lastly, it is fair to applicants. Besides, best practices in personnel selection require amassing evidence that each selection tool used provides reliable and valid measurements of exchange program applicants. In this area, it comprises any point in a selection process where some people can continue, and some are not is a point where a selection decision is made. Hence, it refers to any judgments, criteria, tests, or scores used to make those decisions as to selection tools. The written test, the interviews, the panel reviews, etcetera are all used as selection tools in this context.

Reliable selection tools are likely to produce identical scores about applicants regardless of where or when the measurement took place or who scored or conducted the test (Baharun, Awang, & Padlee, 2011). Useful selection tools distinguish the applicants who are more likely to succeed on the exchange program (or achieve some other important criterion outcome) from less likely to be successful. The more valuable a tool, the fewer mistakes it makes when making that distinction. The more valid a tool, the better it is at identifying who would succeed on the job. Thus, the measurements should be stable across time, assuming someone's underlying capabilities have not changed. However, training, acquiring new knowledge, or gaining inexperience could lead to changes in candidates' underlying capabilities across time (Hardison, et al., 2015).

Before the selection process, a selection panel is a team of members committed to interviewing and selecting a person for a position. The selection panel process is beneficial because it provides varying perspectives, helps to eliminate biases, and benefits the department by involving personnel and applicants in the hiring decision (Gusdorf, 2008). Other than that, all individuals involved in the selection process should be appropriately trained on the steps for interviewing, including developing criteria, reviewing résumés, developing interview questions, and weighing the candidates (Cleaver, 2016). However, the selection panel's composition will depend on the type of public entity to which an appointment is made. For example, panels may include the Minister, a Minister's delegate, the departmental secretary, other senior departmental staff, Board Chairs, and an independent expert. The composition of the selection panel should be agreed upon by the responsible governance officers and the relevant Minister at the start of the appointment process.

This study is only focusing on the competency of the assessors. Competency lets the measures view the assessor as a dependable source of reliable information and fair, effective decision-making. Based on the general term, competence is the power to inspire belief. It is a critical personal and professional trait because competency defines the assessors. The competency associated with being a good assessor is sorely needed, considering the pivotal importance of judgment and assessment. Hence, how can a competence assessor be achieved? Therefore, to explore the influence of the selection process, the objective of this study is to determine the competency of the assessor in the decision-making process during the recruitment to select the candidate to represent Malaysia for the International Youth Exchange Program.



Figure 1: The conceptual framework of the study

LITERATURE REVIEW

International Youth Exchange Programs

The international youth exchange program is a youth development program that nurtures friendship and mutual understanding among youth from various countries. The program aims to broaden the youth's perspective on the world, foster leadership skills in various fields, and strengthen international cooperation spirit and practical skills for international collaboration. In Malaysia, international youth exchange programs are among the internationalisation initiatives that focus on exposing Malaysian youth to global networking, knowledge, and skills. This initiative also designs and intensifies youth internationalisation programs based on current global scenarios and trends. More than that, this initiative is also a platform for youths to highlight their talents and potential through various international programs (Ministry of Youth and Sports, 2016). Youth development in Malaysia is based on the Malaysian Youth Policy (MYP) 2015, which aims to strengthening and highlighting the youth human capital (Ministry of Youth and Sports, 2015).

Likewise, in the 11th Malaysia Plan, 2016 - 2020 youth development agenda is desired to improve the well-being of youth by developing them to become charismatic, dynamic, and progressive generations (Economic Planning Unit, 2015). Under the purview of the Ministry of Youth and Sports, several international youth exchange programs are co-organised with other ministries or Governments such as the Cabinet Office of Japan, the Ministry of Gender Equality and Family of the Republic of Korea, the Ministry of Youth and Sports of Brunei Darussalam, and Indonesia and many others. The responsible division to manage all international youth exchange programs under the Ministry's purview is the Youth Development Division, National Youth and Sports Department.

There are two types of international youth exchange programs; long-term (52 days) and short-term (20 days). Both types of programs involve youth to form a contingent to represent Malaysia to participate in the programs. During the program, participants are constantly stimulated mainly by the variety of activities prepared by the organisers, such as the educational visits, homestay programs, courtesy call on the local governors, discussion group, voluntary activities, solidarity group activities, national and culture presentation, and the journey of the program itself. The activities were conducted with different and variety of methods, indoor and outdoor. Given the opportunity of exposure throughout the programs, the participants were actively involved in various interactive activities either prepared by the organiser or the participants themselves.

Participant candidates for the international exchange programs are being filtered in several stages. The stages include psychometric test, essay assessment, and selection camp. The first screening process is the psychometric test conducted for youth who applied to join the international youth exchange programs. The test is prepared and analysed by the Public Service Department (PSD). This test includes ten traits to measure the personality of youth as identified by the Ministry. The 10 traits are; rationale, assertive, tolerance, socially active, systematic, sympathy, expression of feeling, cheerfulness, tranquillity, and reliability (Youth Development Division, 2018).

The second screening stage is the essay evaluation, whereby the short essay is submitted upon the online application based on the specified theme. The essay will be evaluated by the assessors appointed by the Youth Development Division based on the specific criteria. This screening is for those youth that appears qualified based on information submitted on the application. Gusdorf (2008) claimed that the screening process saves time and expense for both applicants and organisations to go further into the selection process if determined they are unqualified and inappropriate for the post.

After the screening, only a group of selected youth will be called to join the Selection Camp. The Selection Camp is one of the core instruments to evaluate and identify and select the most qualified youth to represent the country for youth exchange programs at the international level. Youth will be evaluated from all aspects of the discipline, cooperation, communication, leadership, personality, intellectual, and even talent during the whole time in the camp, either while doing activities or break time, conducted by a group of trainers. The selection camp also held interview sessions for youth interested in participating in The Ship for Southeast Asian and Japanese Youth Program (SSEAYP). The need to conduct this interview session is essential given that the program is a multilateral and long-term international youth exchange program. Therefore, the willingness and availability of youth who want to participate are very significant before the selection.

The evaluation is performed by a group of assessors appointed by the Ministry of Youth and Sports, comprises of selected officers and representatives from the Malaysian Youth Council (MBM) and the international exchange programs alumni associations. The composition of assessors from different backgrounds ensures that youth selection is fair based on discussion and consensus judgment. The outcome from the final stage of the assessment is essential. Thus, the National Youth and Sports Department will have the most eligible youth to participate in the international level program as the characteristics of each program are challenging in terms of the demographic of participants who come from different historical and cultural backgrounds and a different sense of values.

From the above description, assessors' credibility is crucial to make sure that they are selecting the right representative not based on their interest. For example, if the selection happened to have a political influence on recruitment, then the selection would lead to political biases or indirect influence. In this sense, selection to appoint the assessor or panel is deemed essential to reduce the incompetency of the assessor or panel.

Selection of the Assessor

The role as an assessor is responsible for evaluating and proposing which youth is eligible to participate in the international exchange programs. There is a significant relationship between the role of the panel of assessors with the quality of assessment results whereby the right panel of assessors will carry out the task perfectly and make this selection camp is a powerful instrument in performing youth selections (Kleinmann & Ingold, 2018). An assessor's professionalism and credibility are required to evaluate during the assessment and the need for quality assessment's results provided to the National Youth and Sports Department. The assessment's result is expected to be reliable and free of any conflicts of interest or other factors that cause subjectivity in the assessment. Several officers will be appointed as assessors at the National Youth and Sports Department level based on their expertise and experience. At the same time, the representatives from the MBM and the alumni associations are based on the nomination from the top management of MBM and alumni associations, respectively. As for the interview session, a line of assessors comprises the same bodies (Youth Development Division, 2018).

The evaluation occurs during the selection camp during various indoor or outdoor activities such as; debate sessions, group discussion and presentation, outdoor games, and talent show. The assessment takes place while performing the activities or during break time. Because of that, assessors need to understand the role of an assessor and understand each activity carried out by the trainers to facilitate the evaluation process towards youth. On top of that, assessors must have the ability to make a thoughtful evaluation, adequate observation, and possesses analytical skills. Furthermore, the perceptions of assessors towards youth must be realistic in any situation (Funder, 1995). In other words, assessors must be fully competent, open-minded, and mature in this matter. The mentioned criteria are in line with the personal and general attributes of the Malaysian Qualifications Agency (MQA) accreditation panel of assessors (Malaysian Qualifications Agency, 2021) that explained that the appointment of accreditation panels is based on the type of program to be evaluated and the suitability of the accreditation panels.

The process of evaluation and establishing the result from the assessment is two different things. Assessors perform the evaluation based on the guidelines provided by the secretariat. At the end of the assessment process, all evaluation marks are compiled, and the secretariat ranks the performance of youth based on average mark. One discussion among assessors at the end of the interview session is to select youth who are genuinely eligible to participate in the SSEAYP program to be proposed to the National Youth and Sports Department. The discussion is based on the interview's marks and the rating from the earlier exercise. At this point, the outcome of the discussion is based on the consensus judgment among assessors, as mentioned by Bacon et al. (2017) in his study about assessment of the performance of student dietitians during clinical placements (Bacon, Williams, Grealish, & Jamieson, 2015 and Bacon, Holmes, & Palermo, 2017). The sharing of assessment, justification and dialogue between assessors supported them in reaching consensus in their assessments (Govaerts, Wiel, Schuwirth, Vleuten, & Muijtjens, 2013; Bacon, Williams, Grealish, & Jamieson, 2015) before deciding it fairly.

Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) merupakan proses pembelajaran berpusatkan murid dan menerapkan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Melalui PAK21 murid-murid boleh menguasai beberapa kemahiran tertentu antaranya ialah mahir menggunakan teknologi maklumat dan berupaya menghasilkan inovasi dalam pembelajaran. Ini jelas menunjukkan kemahiran abad ke-21 akan melahirkan generasi baharu yang mampu berhadapan dengan ledakan globalisasi masa kini.

Perancangan yang teliti mengikut tahap pengetahuan murid perlu dilakukan agar kandungan penyampaian dan penerangan guru dapat difahami (Azhar et. al., 2007). Guru diibaratkan sebagai penentu keberkesanan dalam PdP. Oleh itu, guru-guru sangat dituntut untuk meningkatkan tahap pengetahuan akademik dan kemahiran mereka dalam memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Peranan dan tanggungjawab guru dalam membangunkan PAK21 sangat penting kerana kenyataan bahawa kualiti guru merupakan penentu kepada kualiti pendidikan negara telah diterima secara sejagat. Oleh itu, guru-guru abad ke-21 perlu mempunyai nilai, pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi pelaksana berkesan serta mampu menghasilkan pendidikan yang dihasratkan. (NIE, 2009).

Konteks pendidikan masa kini memerlukan guru menguasai dan mempunyai literasi teknologi komunikasi maklumat (Berita Harian Online, 16 May 2020). Terdapat guru Pendidikan Islam yang masih mengamalkan corak pengajaran yang sama dan tertumpu kepada penggunaan buku teks. Dapatan kajian Zurina Yasak et. al., (2010) menunjukkan bahawa tahap kekerapan penggunaan teknologi masih di tahap sederhana serta wujud beberap kekangan dan kelemahan ketika sesi pengajaran Sains dijalankan di sekolah rendah. Guru seharusnya memanfaatkan penggunaan teknologi pada alaf baharu agar dapat menarik minat murid untuk belajar. Pendekatan guru yang tidak memenuhi pola pemikiran pelajar akan menyebabkan mereka berasa bosan dan tidak tertarik dengan kandungan pembelajaran (Meor Rahman, 2003). Wan Azlin Anora et. al., (2017) mengatakan bahawa guru perlu mempunyai kepakaran dalam menguasai ilmu, menguasai kemahiran pedagogi abad ke-21, menguasai kemahiran psikologi pembelajaran, kemahiran kaunseling, kemahiran mengesan perkembangan dan pencapaian murid serta menyokong mereka (Buletin Anjakan 2015). Dalam menguasai aspek kemahiran pedagogi PAK21, guru perlu sentiasa bersedia menggunakan teknologi maklumat dan media dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) serta menyesuaikannya dengan teknik PAK21. Menurut Faridah Nazir et al., (2016) sumber pengetahuan utama pada abad ke-21 merupakan sumber yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Guru juga perlu celik komputer yang mana perlu sentiasa peka terhadap cara penggunaan komputer dalam PdP (Warnoh Katiman & Norasmah Othman, 2011). Selain itu, kemahiran guru sangat dituntut agar murid-murid sentiasa bersedia menerima ilmu pengetahuan dan menyusun kembali pengetahuan sedia ada mereka untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka (Nor Alniza & Hafizhah Zulkifli, 2019).

Masih terdapat guru yang kurang pengetahuan terhadap pelaksanaan sebenar PAK21 di sekolah. Guru-guru melaksanakan PdPc menggunakan kaedah lama yang bersifat konvensional. Guru Pendidikan Islam juga kebiasaannya mengamalkan kaedah pengajaran yang sama. Kajian Ab Halim et. al., (2004) membuktikan bahawa guru masih menggunakan kaedah syarahan dalam sesi pengajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, tahap pengetahuan yang tinggi merupakan elemen penting dalam melaksanakan PdPc berkesan serta mencapai objektif. Menurut kajian Raja Abdullah Ismail dan Daud Ismail (2018), faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar adalah penguasaan terhadap bidang ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan psikologi pembelajaran. Merujuk Rajendran Nagappan (2010) pengetahuan, kemahiran dan sikap merupakan elemen penting yang perlu dikuasai oleh guru dalam membantu guru lebih bersedia untuk melaksanakan PdPc. Kajian yang dilakukan oleh Husni et.al., (2018) menunjukkan bahawa cabaran pelaksanaan PAK21 melibatkan tahap kesediaan guru, persediaan murid itu sendiri, kemudahan infrastruktur, alat atau bahan bantu mengajar, kemudahan sumber untuk mendapatkan rujukan tambahan, penggunaan teknologi maklumat dan akses internet yang terhad. Justeru, para guru hendaklah mempunyai tahap kesediaan yang tinggi serta kreativiti untuk menarik minat murid dalam PdPc supaya berkesan.

Pergaulan antara murid Islam dan bukan Islam kurang berlaku terutama selepas waktu persekolahan sehingga hubungan menjadi renggang serta mereka tidak memahami dengan mendalam amalan, budaya dan adat resam sesuatu kaum (Mior Khairul Azrin, 2011). Isu ini timbul kerana murid tidak memahami konsep bersosialisasi dalam Islam. Guru bertindak sebagai pelaksana kurikulum seharusnya meneliti budaya murid-murid dan mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap murid untuk meningkatkan prestasi mereka. Hal ini selari dengan kajian Abdul Razaq et.al., (2010) menunjukkan para pelajar masih mempunyai perspektif yang sederhana dan tidak memuaskan terhadap konsep kepelbagaian budaya yang wujud di sekolah. Ini berlaku kerana pihak sekolah dan guru kurang memberi pendedahan dan dorongan kepada pelajar untuk menerima kepelbagaian budaya di sekolah. Isu berkaitan budaya sesuatu komuniti atau masyarakat perlu diberikan perhatian khususnya dalam kelompok masyarakat multi etnik dan multi agama.

Penularan budaya Islamofobia adalah ancaman terbesar yang dihadapi oleh orang bukan Islam terhadap umat Islam terutama selepas peristiwa 11 September 2001 di mana, Amerika mendakwa Al-Qaeda di bawah pimpinan Osama bin Laden menyerang beberapa kawasan utama di bandar New York. (myMetro, 13 September 2019). Rentetan daripada peristiwa itu, orang Islam dianggap sebagai pengganas. Prasangka buruk timbul terhadap orang Islam dan turut menyentuh isu berkaitan agama Islam itu sendiri. Penerangan yang jelas tentang kesucian ajaran Islam tidak didedahkan kerana kebanyakan sumber media barat memberi gambaran buruk dan berat sebelah terhadap umat Islam dan agama Islam sehingga menyebabkan prasangka buruk ini timbul. Maka, pelaksanaan PAK21 dalam matapelajaran Pendidikan Islam terhadap kepelbagaian budaya dapat membantu mereka memahami konsep ajaran Islam yang sebenar. Penggunaan media massa dalam kalangan rakyat Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia dan dijangka akan terus meningkat di masa akan datang. Pendedahan media massa dan sosial semakin meluas sehingga menimbulkan kesan negatif terhadap pegangan nilai akhlak pelajar. Maka, pendidik menghadapi cabaran untuk menghubungkan jurang persepsi dan ilmu antara guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini memberi kesan kepada perkembangan sosiopsikologi remaja khususnya remaja yang beragama Islam (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani, 2017).

Pendidikan adalah adil dan saksama terhadap semua murid tanpa mengira perbezaan budaya, bangsa, agama dan amalan adat resam. Merujuk (Coleman, 1968: 14) kesamarataan peluang pendidikan adalah kesamaan hasil jika diberi input yang sama kepada setiap individu. Ini menunjukkan keadaan yang membenarkan akses kepada pendidikan yang sama rata untuk semua rakyat tanpa mengira latar belakang, lokasi dan kelas sosial. Jurang antara generasi perlu diuruskan dengan baik agar pelaksanaan penyampaian guru dan komunikasi berjalan dengan lancar serta memupuk motivasi dalam diri murid untuk belajar. Pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya merupakan satu strategi baharu untuk memahami variasi pelajar dari kalangan masyarakat berbilang bangsa dan budaya. Usaha ini bertujuan untuk mengukuhkan identiti nasional dan berpegang teguh dengan prinsip Rukun Negara (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani, 2017).

Walaupun pelaksanaan PAK21 dalam matapelajaran Pendidikan Islam adalah sejajar dalam usaha merealisasikan matlamat kurikulum namun, kajian ini sedikit berbeza dengan kajian-kajian lain kerana dilihat dari sudut kepelbagaian budaya. Berdasarkan pembacaan melalui literatur, rujukan kajian lain dan tinjauan penyelidik mendapati bahawa penulisan dan kajian mengenai pelaksanaan PAK21 tidak menyentuh secara khusus dalam matapelajaran Pendidikan Islam mengikut konteks kepelbagaian budaya. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dijalankan terhadap guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah bagi mengkaji dan mengenal pasti pelaksanaan PAK21 terhadap murid pelbagai budaya yang memberi fokus pada tahap pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) memerlukan pelajar menguasai isi kandungan untuk menghasilkan sesuatu, menggabungkan dan menilai maklumat yang diperoleh melalui pelbagai matapelajaran atau sumber lain serta dapat memahami dan menghormati budaya yang berbeza (Barnet Berry, 2011). Perpaduan kaum dan etnik di Malaysia dapat diwujudkan, prasangka buruk dan isu perkauman dapat dihapuskan melalui pelaksanaan PAK21 terhadap murid yang mengamalkan pelbagai budaya. (Ab Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Persatuan Pendidik Amerika mengemukakan empat kemahiran yang penting iaitu pemikiran kritikal, kolaborasi, komunikasi dan kreativiti atau 4C (Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21, 2017). Justeru, pelaksanaan PAK21 adalah selari dengan pendidikan masa kini bagi melahirkan warganegara yang bersifat global, mempunyai pengetahuan, kemahiran dan motivasi untuk menangani isu-isu kemanusiaan dan persekitaran. Manakala, kemahiran menurut (Kamus Dewan Edisi Kedua, 2015) adalah kecekapan dan kepandaian dalam melakukan sesuatu. Ini menunjukkan guru perlu mempunyai kemahiran dalam pedagogi serta perlu sentiasa peka dengan keadaan murid agar penyampaian dan pengajaran guru mencapai objektif. Proses PdP yang sistematik, menarik dan sesuai mampu menjadikan murid bergerak aktif serta dapat mengekalkan motivasi mereka sepanjang sesi pembelajaran. Guru perlu meningkatkan kemahiran pedagogi dengan menghadiri kursus, bertanya kepada guru yang lebih lama berkhidmat serta mencuba sesuatu yang baru. Ini selari dengan kenyataan Nurulhuda Mohd Sukri (2013) bahawa kemahiran itu adalah seni maka, teknik atau cara yang diperoleh melalui latihan dan pengalaman khusus.

Menurut James (2017) terdapat usaha menambah 2C dalam PAK21 iaitu kewarganegaraan (citizenship) dan karakter (character). Penambahan item dalam panduan ini merujuk kepada Model Osler dan Starkey (2005), yang menjelaskan bahawa seseorang pelajar seharusnya tahu peranan masing-masing sebagai warganegara berhubung soal status, hak, amalan dan kompetensi dalam aspek kewarganegaraan. Manakala, dalam sudut pembangunan karektor pula, diharapkan pelaksanaan PAK21 ini dapat memimpin pelajar untuk berkolaborasi, mempunyai kebolehan dan kemahiran lain. Para pelajar telah dipupuk dengan nilai teras sejagat dan identiti nasional yang utuh semasa alam persekolahan agar dapat diamalkan dalam kehidupan seharian dan lebih berintegriti. Pendidikan adalah adil dan saksama terhadap semua murid tanpa mengira perbezaan budaya, bangsa, agama dan amalan adat resam. Merujuk (Coleman, 1968:14) kesamarataan peluang pendidikan adalah kesamaan hasil jika diberi input yang sama kepada setiap individu. Semua murid yang berbeza daripada aspek etnik, keturunan, bahasa, adat resam dan budaya mendapat pendidikan yang adil dan sama rata (Ab Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Ini menunjukkan aspek pendidikan diberikan sama rata kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang, lokasi dan kelas sosial serta dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan baik.

Menurut Izlin Zuraini Ishak (2002) aspek pengetahuan pedagogi, penyampaian isi kandungan, pengetahuan am dan pengetahuan ikhtisas perguruan perlu ada pada setiap guru. Justeru, pengetahuan guru terhadap PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya amat penting bagi memberikan impak yang positif dalam PdP. Aktiviti yang dijalankan kepada murid yang mengamalkan pelbagai budaya memerlukan pemahaman, penghargaan dan penilaian yang jelas terhadap sesuatu budaya dan etnik. Penilaian ini bukan bermakna bersetuju dengan amalan budaya berkenaan tetapi melihat kepada bagaimana sesuatu komuniti etnik itu mengekspresikan nilai-nilai budaya mereka dan penerimaan bangsa lain terhadap kebudayaan tersebut (Noraini, 2015). Selain itu, Nurzarina Amran dan Roslinda Rosli (2017) berpendapat bahawa guru perlu meningkatkan tahap kefahaman terhadap pelaksanaan kemahiran PAK21 serta menggunakan pendekatan yang sewajarnya terhadap murid-murid. Kemahiran dalam penggunaan teknologi, kerjasama, kolaborasi dan pembelajaran kendiri juga turut diberi penekanan dalam PAK21. Kajian ini disokong Mary Yap (2015), bahawa guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran pedagogi bersifat holistik, meneroka penggunaan model pelbagai mod yang memanfaatkan teknologi, mempunyai kreativiti, inovatif, kritis dan penaakulan.

Dapatan kajian Ab. Halim et.al., (2004) menunjukkan bahawa guru-guru masih menggunakan kaedah syarahan dalam proses pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam terhadap pembangunan murid. Oleh itu, pelaksanaan PAK21 dalam matapelajaran Pendidikan Islam ini akan memupuk nilai kerohanian dan etika dalam diri murid. Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, menunjukkan tiada lagi kajian yang dijalankan untuk mengkaji tentang tahap pengetahuan dan pedagogi guru dalam melaksanakan PAK21 dalam matapelajaran Pendidikan Islam mengikut konteks kepelbagaian budaya murid. Justeru, diharap kajian ini menjadi satu panduan kepada pengkaji akan datang untuk lebih meneroka isu ini.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengandungi beberapa objektif iaitu:

a) Mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya.
b) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru dalam pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan jantina.
c) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru dalam pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan kelayakan akademik.
d) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru dalam pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan pengalaman mengajar.
e) Mengenal pasti hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan kajian untuk dikaji iaitu :

a) Apakah tahap pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru Pendidikan Islam tentang pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya?
b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan jantina?
c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan kelayakan akademik?
d) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan pengalaman mengajar?
e) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya?

6.0 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini dinyatakan dalam bentuk hipotesis nul mengikut persoalan kajian. Hipotesis nul digunakan bagi mengenal pasti pengaruh pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan. Berikut merupakan hipotesis nul yang diuji pada paras signifikan

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan jantina.
Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan kelayakan akademik.
Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan pengalaman mengajar.
Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya.

7.0 METADOLOGI KAJIAN

7.1 Reka Bentuk Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2011) hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian manakala, reka bentuk kajian ditentukan oleh tujuan kajian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk deskriptif bertujuan untuk mengenal pasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Creswell (2005), kajian tinjauan adalah pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi mengikut prosedur yang terdapat dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif.

7.2 Populasi dan Persampelan

Keseluruhan sampel bagi kajian ini adalah dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Labuan. Penyelidik memilih 101 orang guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah rawak mudah untuk menjadi responden. Kaedah rawak mudah atau *"random sampling"* yang digunakan ini membolehkan kesemua guru Pendidikan Islam di Labuan mempunyai peluang untuk dipilih sebagai responden kajian. Mengikut jadual Morgan dan Krejcie (1970) jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini mencukupi bagi jumlah populasi guru Pendidikan Islam di Labuan.

7.3 Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu A, B dan C. Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden terdiri daripada item jantina, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar. Bahagian B adalah konstruk yang mengukur tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 manakala, bahagian C mengukur berkaitan tahap kemahiran guru. Pengkaji membina instrumen soal selidik dengan merujuk kepada kajian yang bertajuk *Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah* oleh Normazidah Mahmood (2012). Soalan-soalan yang terdapat dalam instrumen ini juga diadaptasi berdasarkan borang soal selidik bagi pelaksanaan program *Modul Memahami Kepelbagaian Etnik* (Nadia, 2016) dan borang soal selidik mengenai kepelbagaian budaya dan adat resam yang diamalkan (You Ming, 2014). Selain itu, item soalan yang terdapat dalam borang soal selidik ini diubah suai dengan merujuk kepada borang soal selidik *Tahap Kefahaman dan Kesediaan Perubahan (Change Readiness) Terhadap Penggunaan Pendekatan Kolaboratif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Pendidikan Islam* (2013) dan soalan-soalan di bawah tajuk *Amalan Pengajaran Abad Ke-21 di Sekolah dalam Penjara*. (2017). Skor setiap instrumen telah menggunakan skala likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

8.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini pengkaji menganalisis dapatan kajian berdasakan seramai 101 orang guru Pendidikan Islam yang menjadi responden bagi kajian ini.

8.1 Taburan Demografi Responden

Jadual 1: Taburan Kekerapan Responden

Ciri Demografi	Kategori responden	N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	41	40.6
	Perempuan	60	59.4
Kelayakan akademik	Diploma	5	5.0
	Ijazah Sarjana Muda	77	76.2
	Ijazah Sarjana	19	18.8
Pengalaman mengajar	1-5 tahun	33	32.7
	6-10 tahun	43	42.6
	11-15 tahun	19	18.8
	16-20 tahun	3	3.0
	21 tahun dan ke atas	3	3.0

Jadual di atas, menunjukkan seramai 41 orang peserta kajian adalah guru lelaki. Jumlah tersebut mewakili 40.6% daripada keseluruhan peserta kajian. Manakala, responden daripada kalangan guru perempuan pula adalah 59.4% iaitu seramai 60 orang menjadikan secara keseluruhannya adalah 101 orang. Hanya sebanyak 5.0% (5) orang guru mempunyai kelayakan akademik pada tahap diploma manakala, 76.2% (77) orang guru mempunyai tahap ijazah sarjana muda dan selebihnya 18.8% (19) orang pada tahap ijazah sarjana yang menjadi responden kajian. Seramai 33 orang (32.7%) mempunyai pengalaman mengajar selama 1-5 tahun, diikuti 43 orang (42.6%) selama 6-10 tahun. Seterusnya, seramai 19 orang (18.8%) mengajar selama 11-15 tahun, hanya 3 orang (3.0%) mengajar dalam tempoh 16-20 tahun dan selebihnya 3 orang lagi (3.0%) telah mengajar 21 tahun dan ke atas.

8.2 Pengetahuan dan Kemahiran GPI Terhadap PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Jadual 2: Pengetahuan dan Kemahiran GPI Terhadap Pelaksanaan PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Jantina	N	Mean	Sisihan Piawai
Lelaki	41	3.86	0.75
Perempuan	60	3.89	0.65
Lelaki	41	3.96	0.56
Perempuan	60	3.95	0.52

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya. Tahap pengetahuan guru lelaki menunjukkan nilai min 3.86 dan sisihan piawai 0.75. Manakala, bagi guru perempuan nilai min 3.89 dan nilai bagi sisihan piawai 0.65 menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam bagi lelaki dan perempuan berada pada tahap yang tinggi. Tahap kemahiran guru Pendidikan Islam bagi guru lelaki menunjukkan nilai min 3.96 dan sisihan piawai 0.56. Manakala, bagi guru perempuan pula menunjukkan nilai min 3.95 dan nilai sisihan piawai 0.52. Keadaan ini jelas membuktikan kemahiran guru Pendidikan Islam bagi lelaki dan perempuan berada pada tahap yang tinggi.

8.3 Perbezaan yang Signifikan antara Pengetahuan dan Kemahiran GPI Terhadap PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Jadual 3: Ujian T bagi Faktor Pengetahuan dan Kemahiran GPI Berdasarkan Jantina

Faktor	Jantina	N	Mean	Sisihan Piawai	t	Sig
	Lelaki	41	3.86	0.75		
Pengetahuan GPI	Perempuan	60	3.89	0.65	-0.02	0.96
	Lelaki	41	3.96	0.56	0.24	0.82
Kemahiran GPI	Perempuan	60	3.95	0.52		

Berdasarkan jadual 3, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya ($t=-0.02$; $p>0.05$). Tahap kefahaman guru lelaki ($M=3.86$) adalah sama dengan guru perempuan ($M=3.89$).

Jadual 4: Ujian T bagi Faktor Pengetahuan dan Kemahiran GPI Terhadap Pelaksanaan PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Kelayakan Akademik

Faktor	Jantina	N	Mean	Sisihan Piawai	t	Sig
	Diploma	5	3.74	0.85		
Pengetahuan GPI	Ijazah Sarjana Muda	77	3.95	0.53		
	Ijazah Sarjana	19	3.83	0.51	-1.87	0.06
	Diploma	5	3.76	0.75		
Kemahiran GPI	Ijazah Sarjana Muda	77	3.97	0.55	-0.07	0.94
	Ijazah Sarjana	19	3.95	0.52		

Berdasarkan jadual 4, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya (t=-0.07; p>0.05) berdasarkan kelayakan akademik. Tahap kemahiran guru bagi kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda (M=3.97) adalah sama dengan kelayakan akademik Ijazah Sarjana (M=3.95).

Jadual 5: Anova sehala Pengetahuan GPI Terhadap PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar

Faktor		df	Mean	f	Sig
Pengetahuan GPI	Dalam Kumpulam Antara Kumpulan	3 98	1.03 0.47	2.27	0.13

Jadual 5a: *Post-Hoc Anova Tukey HSD*: Pengetahuan GPI Terhadap PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar

(I) Tempoh	(J) Tempoh	Perbezaan Min	Sig
	1 – 5 tahun	-0.04	0.87
Kurang 10 tahun	6 – 10 tahun	-0.27	0.14
11 - 20 tahun	11 – 15 tahun	0.04	0.87
	16 – 20 tahun	-0.19	0.47
21 tahun dan ke atas			
	21 – 40 tahun	0.27	0.14
	41 – 60 tahun	0.19	0.47

Ujian *Post-Hoc Anova Tukey HSD* pada jadual 5 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan faktor tempoh pengalaman mengajar iaitu kurang 10 tahun, 11 – 20 tahun serta 21 tahun dan ke atas dengan nilai kawalan F (101) = 2.27, p>0.05. Ini bermakna tiada perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya di antara tempoh pengalaman mengajar kurang 10 tahun, 11 – 20 tahun serta 21 tahun dan ke atas.

Jadual 6: Anova sehala Kemahiran GPI Terhadap PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar

Faktor		df	Mean	f	Sig
Kemahiran GPI	Dalam Kumpulan Antara Kumpulan	3 98	0.49 0.28	1.78	0.18

Jadual 6a: *Post-Hoc Anova Tukey HSD*: Kemahiran GPI Terhadap PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar

(I) Tempoh	(J) Tempoh	Perbezaan Min	Sig
	1 – 5 tahun	0.18	0.27
Kurang 10 tahun	6 – 10 tahun	-0.14	1.14
11 - 20 tahun	11 – 15 tahun	-0.18	0.27
	16 – 20 tahun	-0.19	0.21
21 tahun dan ke atas			
	21 – 40 tahun	0.14	1.00
	41 – 60 tahun	0.19	0.21

Ujian *Post-Hoc Anova Tukey HSD* pada jadual 6a di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan faktor tempoh pengalaman mengajar iaitu kurang 10 tahun, 11-20 tahun serta 21 tahun dan ke atas dengan nilai kawalan F (101) = 1.78, p>0.05. Ini bermakna tiada perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya di antara tempoh mengajar kurang 10 tahun, 11-20 tahun serta 21 tahun dan ke atas.

8.4 Hubungan yang Signifikan di antara Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Analisis Korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kedua pembolehubah iaitu pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya. Jadual 7 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperoleh daripada hasil analisis yang telah dijalankan. Kajian mendapati bahawa pekali Korelasi Pearson antara tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya adalah r = 0.74, p = 0.00 (p<0.05). Ini menunjukkan kedua pembolehubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap sederhana tinggi. Maka hipotesis nul (Ho4) tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya adalah ditolak.

Jadual 7: Pengetahuan dan kemahiran GPI Terhadap pelaksanaan PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Kontruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap PAK21	0.74**	0.00	Sederhana tinggi

**Hubungan signifikan pada aras 0.01

9.0 PERBINCANGAN

9.1 Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Berdasarkan analisis yang dilakukan didapati bahawa tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya memberikan jumlah nilai min 3.86 dan sisihan piawai 0.52. Manakala, bagi skor min kemahiran pula adalah 3.96 dan nilai sisihan piawai 0.56. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran guru berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian (Nik Noraini Raja Abdullah et.al., 2019) yang menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan berada pada tahap yang tinggi dan memberikan impak kepada kepuasan mengajar. Kajian ini turut membuktikan bahawa pendedahan secukupnya tentang PAK21 amat penting bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru. Setiap guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya.

Menerusi kajian Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim (2020), mengenai kesediaan guru terhadap pelaksanaan PAK21 dilihat dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap menunjukkan tahap kesediaan guru berada pada tahap yang tinggi untuk melaksanakan PAK21. Norazlin

Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) menyatakan pengetahuan dan kemahiran abad ke-21 sangat penting dan perlu dikuasai oleh semua guru. Tahap pengetahuan dan kemahiran pedagogi akan mempengaruhi persepsi dan amalan guru terhadap PAK21. Apabila kurang pengetahuan, guru akan menganggap pelaksanaan PAK21 sukar untuk dilaksanakan dalam PdPc. Guru perlu meningkatkan kefahaman dan kemahiran terhadap PAK21 dan melakukan pendekatan dengan lebih mendalam bersama murid. (Nurzarina Amran & Roslinda Rosli, 2017). Perubahan cara dan pendekatan guru dalam aktiviti pengajaran pada masa kini akan turut memberi kesan kepada murid-murid. Keadaan ini memberi pengaruh yang besar kepada pelaksanaan kurikulum dasar pendidikan negara dan proses kemenjadian murid. Oleh itu, guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam perlu memahami amalan, adat resam dan budaya murid terlebih dahulu sebelum mengaplikasikan PAK21 dalam pengajaran agar identiti nasional dapat dibina seterusnya, mewujudkan perpaduan kaum. Guru adalah karakter penting di sekolah, arif dalam pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan keyakinan dalam menyampaikan pengajaran supaya berjalan seperti yang dirancang (Zamri, 2014). Menurut Ariffin & Yunus (2017) guru seharusnya memiliki kompetensi yang tinggi dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan PAK21 menerusi amalan pedagogi yang berkesan, menarik dan interaktif.

9.2 Perbezaan yang Signifikan Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Hasil analisis deskriptif menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya berdasarkan jantina, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar. Kajian ini menggunakan Ujian-t yang melibatkan dua pembolehubah yang ingin dikaji dan anova sehala serta *post-HOC Tukey HSD* seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5 dan 6. Dapatan kajian ini adalah selari dengan keputusan Nik Noraini Raja Abdullah et. al, (2019) yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan pelaksanaan terhadap pelaksanaan PAK21 ke atas tahap kepuasan mengajar bagi guru-guru sekolah rendah terpilih di daerah Kota Bharu Kelantan.

Kajian Mohd Fahmi Yusof (2016) mengenai aspek kesediaan guru sekolah menengah dalam mengamalkan PAK21 juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina. Selain itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Huang Ji Xiang (2019) mengenai kefahaman guru sekolah rendah di daerah Pekan Pahang terhadap pengetahuan umum dalam lima konstruk PAK21 juga menunjukkan tiada perbezaan min yang signifikan antara jantina. Hasil ujian-t juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran guru-guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya.

Dapatan kajian ini merupakan penemuan baru dalam konteks kepelbagaian budaya. Hal ini disebabkan kajian berkaitan konsep kepelbagaian budaya dalam pelaksanaan PAK21 adalah masih baru diterokai. Kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada penyelidik di masa hadapan untuk meneroka dengan lebih mendalam lagi kajian seumpama ini.

9.3 Hubungan yang Signifikan antara Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap Pelaksanaan PAK21 dalam Konteks Kepelbagaian Budaya

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya. Nilai korelasi berada pada tahap yang sederhana tinggi ($r = 0.74$) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam kaedah pengajaran yang diaplikasikan dapat meningkatkan keyakinan dan membantu kefahaman murid. Menurut Siti Zubaidah (2006) dan Sharifah Nor (2012) guru perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam kemahiran Dapatan ini turut disokong oleh Norfaizah Md Kamary & Mahizer Hamzah (2019) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan PAK21 dengan kemahiran ICT dalam kajian terhadap kesediaan guru Matematik daerah Hulu Langat.

Guru berperanan menerapkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis kepada murid agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan situasi semasa. Guru perlu merancang aktiviti pembelajaran yang dapat mencungkil bakat dan mengembangkan kebolehan tersebut. Menurut Habsah (2014) guru seharusnya bijak merancang pembelajaran dan pengajaran dengan mengikut keperluan individu, kumpulan dan keseluruhan murid dalam kelas. Guru seharusnya berperanan melaksanakan PAK21 agar dapat membina generasi yang sentiasa bersedia menghadapi cabaran global di masa hadapan. Menurut Noraini (2010) guru dianggap mempunyai kompetensi tertentu untuk mengembangkan kemahiran, bakat, potensi dan pengetahuan murid dalam pelbagai bentuk. Dapatan kajian Ainun Rahmah et. al., (2017) menunjukkan bahawa pengaruh PAK21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi dan pencapaian ketika mempelajari Bahasa Melayu. Dapatan kajian Azlina Mohd Kosnin & Mazlifah Che Ahmad (2010) menunjukkan kesediaan amali guru adalah sama dengan kesediaan pengetahuan dalam pengajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah. Ini menunjukkan kesediaan aspek kemahiran dan pengetahuan saling berkait rapat dan sangat diperlukan. Justeru, pengetahuan dan kemahiran dalam PAK21 adalah perlu untuk memahami variasi pelajar yang berbilang kaum dan budaya agar dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara.

10.0 KESIMPULAN

Guru-guru seharusnya menilai dan melengkapkan diri dengan persediaan yang rapi dalam melaksanakan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya agar dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara dan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Guru juga perlu memantapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pedagogi agar PdPc lebih berkesan terhadap murid serta dapat menjana murid berkualiti. Peranan guru dalam pembinaan integrasi nasional sangat penting dan saling berkait rapat. Tidak dapat disangkal lagi, betapa besarnya tanggungjawab yang perlu digalas oleh seorang guru dalam mendidik anak bangsa kearah integrasi nasional. Penerapan budaya dan nilai murni, semangat cintakan negara serta perpaduan kaum dapat dipupuk melalui wadah pendidikan agar dapat menggapai kelansungan taraf negara maju.

RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin. (2017). Pembelajaran Abad ke 21 dalam Kepelbagaian Budaya: Harapan dan Cabaran. Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8).

Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran Abad ke-21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil.2. 77-88.

Azlina Mohd Kosnin & Mazlifah Che Ahmad. (2010). Tahap Kesediaan Pengetahuan dan Kemahiran Amali Guru-Guru PKPG Sekolah Rendah Mengajar Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Chua Yan Piaw. (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Faridah Nazir. (2016). Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.

Fauziah Abdul Aziz. (2018) Tahap Pengetahuan, Pemahaman dan Kesediaan Guru-Guru dalam Melaksanakan Model Bersepadu Pembelajaran Abad ke-21. Mohd Jasmy Abd Rahman. Panduan Kursus Penulisan Akademik. (1st ed., pp. 21-29). Selangor: Oxfrd Fajar Sdn. Bhd.

Hafzan Omar, Zolkepeli Haron, Khairol Anuar Kamri. (2018). Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru Sekolah Kebangsaan Pelbagai Etnik. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrieved from http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/11750/1/J6341

Huang Ji Xiang & Zanaton Ikhsan. (2019). Kefahaman Guru Sekolah Rendah Daerah Pekan Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), International Journal of Modern Education, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Husni Abdullah, Abd Razif Zaini, Khairatul Akmar Ab Latif, Hasanah Ihsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wan Sakiah Wan Ngah, Naqibah Mansor. (2018). Pendidikan Abad ke-21 dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah di Malaysia: Amalan dan Cabaran. Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS). International Research Management & Innovation Conference. (5th IMIC 2018). Putrajaya

Izlin Zuraini Ishak. (2002). Kualiti Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Juliana Osong & Norafidah Noralidin. (2015). Persediaan Pengetahuan dan Kemahiran Guru Abad ke 21. Retrieved from https://www.academia.edu/12502783/

Mary Yap, K.C. (2015). Guru Berperanan Lahir Pelajar Capai Standard Global: Berita Harian 13 Ogos 2015.

Meor Rahman. (2003). Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar. Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor.

Mohd Fahmi Mohd Yusof. (2016). Kesediaan Guru Sekolah Menegah Mengamalkan Pengajaran Abad ke-21. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Mohd Jasmy Abd Rahman. (2018). Panduan Kursus Penulisan Akademik. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim. (2020). Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Sejarah IPG Zon Selatan. Jurnal Penyelidikan Sains Sosial, Bil. 2 Isu 5. (pp. 32-42).

Muhammad Fauzan Mohd Dahlan, Hafizhah Zulkifli. (2020). Kefahaman dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Kaedah Sokratik. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol. 1 June, 2020. no. E-ISSN 2590-3799.

Nik Noraini Raja Abdullah, Mohd Syukri Aiff Mohd Azizi, Zaleha Mohd Noor. (2019). Impak Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21 (PAK21) ke atas Tahap kepuasan Mengajar Guru-Guru Sekolah Rendah Terpilih Daerah Kota Bharu.

Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariaty Ab Wahid, Rohaila Yusof. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. International Journal of Education, Psychgy and Counseling. eISSN:0128-164x. Vol. 4, Issues: 28 (Mac 2019) pp. 28- 51.

Noraini Abdul Rahim & Abdul Halim Abdullah. (2017). Kesediaan Guru Matematik Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke-21. Isu-Isu Pendidikan Kontemporari

Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh, Mohd Isa Hamzah. (2014). Kepelbagaian Elemen Budaya dalam Pengajaran Pendidikan Islam: Isu dan Kepentingan. The Online Journal of Islamic Education. Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrieved from https://ojie.um.edu.my/index.php/OJIE/article/view/5285

Noraini Omar. (2015). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berfokuskan Kepelbagaian Budaya Murid. Kajian Kes di Negeri Sarawak. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrieved from http://myto.upm.edu.my/find/Record/ukmvital-81059

Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. Proceedings of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management. 23-24 November. eISBN: 978-967-2231-26-4.

Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, Zuraidah A. Majid. (2017). Budaya dan Pembelajaran Siri Pendidikan Guru Edisi Kedua. Selangor: Oxfrd Fajar Sdn. Bhd.

Normazidah Mahmood. (2012). Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah: Satu Penilaian. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nurulhuda Mohd Sukri. (2013). Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi di Kolej Vokasional: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from http://eprints.utm.my/id/eprint/42005/

Nurzarina Amran & Roslinda Rosli. (2016). Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke 21. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Raja Abdullah Raja Ismail. (2018). Aplikasi Konsep 4C Pembelajaran Abad ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. Asian People Journal Multidiciplinary Science Journal. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. Vol. 1, No 1 (2018). eISSN: 2600-8971

Rajendran Nagappan.S. (2010). Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran. Seminar Projek KBKK, Poster Warisan Pendidikan Wawasan. BPK, KPM.

Wardyawaty Rajikal & Isa Mohd. (2020). Kajian Sistematik Pengajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/348077066

Yasmin Ahmad. (2014). Sensitiviti dan Kompetensi Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah,* Universiti Sains Malaysia. Retrieved from http://eprints.usm.my/29988/1/Yasmin_Ahmad_-_2014_-_PhD.pdf

Zarina Abdul Rashid. (2016). Tahap Kesediaan Guru dalam Aspek Pengetahuan dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT. *Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi)* Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Zurina Yasak, Shamsudin Yamhari, Esa Ahmad. (2010). Penggunaan Teknologi dalam Mengajar Sains di Sekolah Rendah. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/279669263